

Sanusi mohon ampun  
hina institusi raja

2

Tutup lapan sekolah  
terkait GISBH

6

Jawatankuasa pantau  
rumah kebajikan

6

Jenama semula  
Rumah Selangorku

4

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 26 SEPTEMBER - 2 OKTOBER 2024

www.selangorkini.my

## Titah tindakan tegas tangani amalan sesat

DYMM Sultan Selangor arah pihak berkuasa agama ambil berat tindak-tanduk GISBH melibatkan kanak-kanak dan persoalan ajaran bertentangan akidah demi pelihara Islam termasuk tutup rumah amal, sekolah jika ada unsur jenayah

MUKA 2

### Belanjawan 2025 tumpu memberdaya rakyat

Dato' Menteri Besar mahu perkasa inisiatif yang memberdaya rakyat, bukannya bersifat populis dengan semak semula program kebajikan sedia ada untuk beri nilai tambah atau perkenal bantuan baharu

MUKA 4



Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Pengurusan Strategik Aslynda Mohd Dahlan memberi penerangan kepada Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari selepas pelancaran Dialog Belanjawan Negeri Selangor 2025 di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam pada 24 September 2024.

Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ► BERITA MUKA 4

# ASNB

Hala tuju kami di Amanah Saham Nasional Berhad tetap teguh dalam merealisasikan impian anda.

Mengukuh Kedudukan Kewangan Rakyat, Merentas Generasi.

[myasnbl.com.my](http://myasnbl.com.my)





# SELAMAT MENYAMBUT HARI SUNGAI SEDUNIA

"Sungai tidak hanya membawa air, di situ mengalirnya sebuah kehidupan"

Dibawakan khas oleh  
Landasan Lumayan  
**SMG**  
A project by LLSB

## Sanusi mohon ampun hina raja

**SHAH ALAM** - Menteri Besar Kedah memohon ampun kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj atas kenyataannya yang dianggap menghina dan tidak menghormati Baginda.

Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor juga meminta maaf kepada Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari serta seluruh rakyat Selangor berikutan kenyataannya yang turut meremehkan pelantikan Dato' Menteri Besar.

"Dengan penuh rasa insaf dan rendah diri, patik memohon beribu keampunan kepada Tuanku serta Dato' Menteri Besar dan rakyat Selangor atas segala keterlanjuran kata-kata patik," katanya dalam sidang media pada 25 September.

Beliau turut berjanji untuk lebih berhati-hati dalam membuat kenyataan dan memastikan setiap ucapannya selaras dengan adab sopan budaya Melayu yang sentiasa menjunjung tinggi Raja-Raja Melayu dan institusi Raja.

Pada 17 Julai, Sanusi dituduh di Mahkamah Tinggi Shah Alam berhubung kenyataannya menjelang kempen pilihan raya negeri di, Gombak pada 11 Julai tahun lalu.

## Nasihat semak latar institusi pendidikan

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menasihati ibu bapa dan penjaga supaya menyemak latar belakang sekolah atau pusat jagaan amal sebelum menghantar anak masing-masing ke pusat berkenaan.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah tindakan sedemikian berupaya mengelak anak-anak dari mengikuti program dan pembelajaran yang meragukan di institusi tidak berdaftar.

"Ingatlah bahawa anak-anak adalah amanah Allah SWT dan ibu bapa serta penjaga yang bertanggungjawab untuk mencorak masa depan yang baik untuk mereka," titah Baginda.

**IMBAS DI SINI**  
akhbar digital minggu lepas

**selangorkini**

Tampal jalan s teknologi dari

Kajian kes GISBH ke jawatankuasa fatwa

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan kerajaan negeri melancarkan program pengurusan kes jenayah syarikat berkenaan. Program ini akan berlangsung selama dua minggu di seluruh negeri. Pelancaran ini dilakukan di Istana Negara pada 24 September.

Perlu diingat bahawa kes jenayah syarikat berkenaan adalah kes jenayah yang dilakukan oleh syarikat berkenaan. Syarikat berkenaan termasuk syarikat yang beroperasi di seluruh negara.

Amirudin Shari pada 24 September.

Amirudin menghadap Sultan Selangor kira-kira dua jam di Istana Bukit Kaya-angan di sini, sebagai rutin mingguan bagi menyembah maklum mengenai perkara dan urusan membabitkan pentadbiran negeri.

Beliau turut berharap polis dapat memberikan hasil siasatan penuh kepada Kerajaan Selangor bagi meneruskan tindakan susulan terhadap GISBH bawah peruntukan undang-undang negeri.

## Jawatankuasa fatwa bincang 30 Sept

**SHAH ALAM** - Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor akan membentang semua penelitian berhubung kegiatan GISB Holdings (GISBH) pada 30 September.

Mufti Selangor Dato' Setia Prof Madya Dr Anhar Opir berkata pihaknya mengkaji dan menilai semua bukti diterima daripada polis dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) selain keterangan individu terlibat.

"Jabatan Mufti Negeri Selangor

mengikut rapat perkembangan semasa GISBH serta isu berkaitan selain proaktif mengekang penyebaran ajaran menyelweng setelah melakukan penelitian berdasarkan fakta dan bukti.

"Jabatan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang menggesa kami mengkaji dan meneliti bagi memutuskan sama ada amalan GISBH menyelweng atau bercanggah dengan ajaran Islam sebenar," katanya dalam kenyataan pada 22 September.

### Teliti kegiatan GISBH

## Sultan titah ambil tindakan tegas

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan pihak berkuasa agama dan polis segera mengambil tindakan terhadap GISB Holdings (GISBH) yang disyaki melakukan jenayah berat.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga bertitah semua rumah amal dan sekolah agama bawah kawalan GISBH yang tidak berdaftar atau disyaki terlibat dalam jenayah syariah ditutup bagi mencegah kanak-kanak dari dianiayai.

Baginda turut menggesa Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor untuk meneliti seterusnya memutuskan persoalan

sama ada amalan GISBH menyelweng atau bercanggah ajaran Islam sebenar.

"Beta ingin memberi peringatan sekali lagi kepada semua pihak khususnya pihak berkuasa agama untuk memandang serius isu berkaitan tindak-tanduk kumpulan GISBH terutama melibatkan kanak-kanak dan ajaran sesat yang disyaki diamalkan oleh mereka.

"Tindakan segera dan tegas tanpa kompromi perlu dilakukan bawah undang-undang terhadap mana-mana pihak yang melakukan jenayah terhadap kanak-kanak dan amalan bertentangan akidah demi memelihara kesucian agama Islam.

"Beta tidak mahu kita hanya diumpamakan sebagai 'tin kosong', hanya pan-

Pada 21 September, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj melahirkan rasa kesal dan kecewa terhadap hasil pembongkaran kegiatan GISBH yang disyaki melakukan jenayah berat.

Baginda menitahkan pihak berkuasa agama dan polis segera mengambil tindakan selain mahu rumah amal dan sekolah agama bawah kawalan kumpulan itu yang tidak berdaftar atau disyaki terlibat dalam jenayah syariah ditutup.

dai bercakap tetapi tiada hasilnya," titah Baginda pada 21 September sambil menyeru agensi penguatkuasa agama dan polis menjalankan siasatan dengan telus.

Susulan pembongkaran terhadap kegiatan GISBH ketika ini, Sultan Sharafuddin mengakui berasa kesal dan kecewa memandangkan perkara itu sudah berlanjut sejak lama namun tiada tindakan untuk menaganinya.

Titah Baginda, keadaan ini menunjukkan wujudnya kelemahan aspek pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap rumah amal dan sekolah agama Islam berkait GISBH hingga menyebabkan perkara menjadi serius dan tidak terkawal.

## Percepat siasatan isu GISBH

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan pihak berkuasa, khususnya jabatan pelaksana negeri mempercepat siasatan isu GISB Holdings (GISBH).

Dato' Menteri Besar berkata Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mahu pasukan siasatan lebih cekap meneliti semua kesalahan termasuk kes jenayah membabitkan syarikat berkenaan.

"Tuanku berpandangan pasukan siasatan kita perlu lebih cekap selepas

ini untuk meneliti sebarang kesalahan, dimana sebahagiannya merupakan kes jenayah.

"Kita (Kerajaan Negeri) diminta untuk percepatkan tindakan oleh jabatan berkenaan yang mana jabatan pelaksana adalah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais). Tetapi secara prinsipnya Jais tertakluk bawah Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

"Mais pula terletak bawah kuasa Tuanku. Harapnya proses ini akan berjalan dengan kemas," kata Dato' Seri

Amirudin Shari pada 24 September.

Amirudin menghadap Sultan Selangor kira-kira dua jam di Istana Bukit Kaya-angan di sini, sebagai rutin mingguan bagi menyembah maklum mengenai perkara dan urusan membabitkan pentadbiran negeri.

Beliau turut berharap polis dapat memberikan hasil siasatan penuh kepada Kerajaan Selangor bagi meneruskan tindakan susulan terhadap GISBH bawah peruntukan undang-undang negeri.

## Tutup premis jika langgar peraturan

**KUALA LUMPUR** - Pihak berkuasa agama negeri diarah bertindak segera berhubung isu GISB Holdings (GISBH), kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu pihak berkuasa juga perlu mengambil serius titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mahu tindakan tegas terhadap GISBH yang disyaki melakukan jenayah tanpa

sebarang kompromi.

"Kita mengarahkan untuk pihak jabatan dan majlis agama mengambil tindakan. Pihak polis sudah ambil tindakan di Rawang dan sebagainya.

"Saya dapat makluman daripada awal, memang sukar dikesan kerana sebahagian aktiviti GISBH dibuat secara tertutup. Itu yang dimaklumkan, tapi tunganlah pihak jabatan agama, mere-

ka mengambil maklum dan telah menghadap Tuanku (Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj) dan mempersempahkan beberapa hal.

"Jadi gesaan tuanku itu patut diam-bil tindakan yang sebaik mungkin atau secepat mungkin oleh jabatan terlibat. Jawatankuasa Fatwa Negeri juga akan bersidang dalam waktu terdekat," katanya pada 21 September.

# Arena kebanggaan Selangor

**KEWUJUDAN** stadium tidak hanya berperanan sebagai hab sukan semata-mata tetapi menjadi enjin pertumbuhan yang mampu memberi pulangan ekonomi yang lumayan.




Stadium Shah Alam menerusi projek pembinaan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) secara keseluruhannya dilihat berpotensi besar untuk meningkatkan ekonomi setempat dan menjana pertumbuhan negeri.

Pembinaan semula yang dijalankan secara berperingkat itu bakal menempatkan kemudahan arena sukan, rekreasi dan pusat komersial bertaraf dunia.

Kerja-kerja perobohan Stadium Shah Alam bermula pada awal Julai dan digantikan dengan struktur berwajah baharu, lebih canggih dan dilengkapi teknologi terkini termasuk padang boleh alih.


Bayangkan, selepas ini Stadium Shah Alam yang pernah menjadi lambang kemegahan pasukan bola sepak Selangor akan tampil dengan konsep ala padang Liga Perdana Inggeris tanpa balapan!

Stadium Shah Alam dijangka siap menjelang 2026 manakala pembangunan keseluruhan KSSA selesai sepenuhnya menjelang akhir 2029. Kompleks sukan ini bakal menjadi mercu tanda dan kebanggaan rakyat Selangor!



## CIRI BAHARU KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM

- Kompleks Sukan Shah Alam merangkumi Stadium Malawati
- Stadium bertaraf antarabangsa
- Kapasiti 35,000 ke 45,000 penonton
- 60 peratus kawasan untuk kemudahan sukan dan lain-lain
- 40 peratus bagi ruang rekreasi awam
- Dilengkapi padang boleh alih
- Berbungung sepenuhnya dan dilengkapi sistem kitaran udara
- Ambil kira penyelesaian aliran trafik
- Hubungkan pengangkutan awam dengan Transit Aliran Ringan 3 (LRT 3)
- Ada kolam takungan atasi kemungkinan banjir
- Boleh berfungsi kendali pelbagai acara
- Ada teater tertutup berkapasiti 10,000 orang
- Sedia taman awam dan pusat rekreasi



## TRIVIA STADIUM SHAH ALAM

- Stadium terbesar di Malaysia sebelum Stadium Nasional Bukit Jalil dibina
- Dibina pada 1991 dan dibuka pada Julai 1994
- Perlawanan pertama antara Selangor dan kelab bola sepak Liga Perdana Scotland, Dundee United
- Direka bentuk arkitek terkenal Malaysia, Hijjas Kasturi
- Struktur rangkanya ialah gerbang berdiri bebas terpanjang di dunia



- Mampu memuatkan lebih 80,000 penonton
- Gelanggang utama skuad bola sepak kebangsaan dan perlawanan akhir Piala Malaysia dari 1994 - 1997
- Lokasi rasmi pasukan Red Giants selama 25 tahun
- Kejohanan Asia Cup 2020 pertandingan terakhir diadakan di Stadium Shah Alam
- Dijadikan kelas pembelajaran Universiti Teknologi Mara pada dekad 2000-an



# SELAMAT MENYAMBUT HARI SUNGAI SEDUNIA

"Sungai tidak hanya membawa air, di situ mengalirnya sebuah kehidupan"



## Jenama semula Rumah Selangorku

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bercadang menjenamakan semula Rumah Selangorku mengikut ketetapan dasar perumahan bagi mengelak tanggapan negatif jika projek gagal disiapkan pemaju.

EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah berkata ramai beranggapan semua projek perumahan mampu milik itu dimiliki dan dibina sepenuhnya negeri, sedangkan ia diurus pemaju swasta.

Beliau turut mengingatkan mana-mana pemaju supaya tidak sewenang-wenangnya menggunakan nama dan logo Rumah Selangorku untuk mempromosikan projek perumahan di negeri ini.

"Jika pemaju gagal (siapkan projek), ia beri tanggapan negatif Kerajaan Negeri. Jadi, bagi mengelak perkara ini jadi bebanan, Rumah Selangorku perlu dijenama.

"Saya juga minta kerjasama semua pemaju tidak guna nama dan logo Selangorku, perlu ada kebenaran daripada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor," katanya pada 24 September.

## Perluas skim buat suri rumah

**SHAH ALAM** - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Selangor mencadangkan Kerajaan Negeri mengkaji langkah memperluas perlindungan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dalam belanjawan tahun depan.

Pengarahnya Ismail Abi Hashim berkata golongan wanita boleh mendapat perlindungan komprehensif jika terlibat kemalangan atau bencana ketika mengurus rumah tangga dengan caruman RM120 setahun.

"Setakat ini 30,800 mendaftar di Selangor dan jumlah ini perlu ditingkatkan supaya bantuan kepada wanita khususnya mereka yang kurang pendapatan dapat diberikan.

"Perkeso Selangor meletakkan sasaran 80,000 mencarum, tetapi ini mengambil tempoh masa panjang kerana memerlukan proses mendidik masyarakat untuk memahami keperluan mencarum," katanya pada 24 September.

Beliau turut berharap Karnival Jelajah JobCare di sembilan daerah diteruskan tahun depan bagi membantu golongan yang menamatkan pengajian mendapat kerja sesuai mengikut kelulusan.

WAKTU SOLAT 26 SEPT - 2 OKT 2024 22-28 RABU AWAL 1446H							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
26 Khamis	5:44	5:54	7:00	1:07	4:15	7:09	8:18
27 Jumaat	5:44	5:54	7:00	1:07	4:15	7:09	8:18
28 Sabtu	5:44	5:54	7:00	1:07	4:16	7:08	8:17
29 Ahad	5:44	5:54	6:59	1:06	4:16	7:08	8:17
30 Isnin	5:43	5:53	6:59	1:06	4:16	7:07	8:16
01 Selasa	5:43	5:53	6:59	1:06	4:16	7:07	8:16
02 Rabu	5:43	5:53	6:59	1:05	4:16	7:07	8:15

## Seragam pentadbiran bandar raya

**SHAH ALAM** - Selangor menubuhkan Mesyuarat Jawatankuasa Penyergaman bawah Jawatankuasa Induk Majlis Pembangunan Lembah Klang Raya bagi menyeragamkan tadbir urus bandar metropolis itu.

Dato' Menteri Besar berkata Lembah Klang Raya yang menggabungkan Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang bakal menggunakan satu garis panduan bersepadu selain semua pelaksanaan undang-undang diperkenas dan diseragamkan.

"Kepakaran, sumber, kewangan dan pelbagai lagi akan diseragamkan supaya tiada pertindihan serta memudahkan urusan penduduk," kata Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook pada 24 September.

Amirudin menambah Lembah Klang Raya berpotensi menjadi gagasan ekonomi utama Asia Tenggara dan mampu tersenarai antara lima metropolis utama di Asia.

"Pencapaian ini pasti mampu meningkatkan kemakmuran negeri

dan memberi manfaat kepada rakyat Selangor.

"Metropolis adalah bandar raya dengan lebih sejuta penduduk berfungsi sebagai pusat pentadbiran, perniagaan, perdagangan, perindustrian serta berteknologi tinggi," katanya.

Lembah Klang Raya diumum merentasi Belanjawan 2024 pada November tahun lalu dengan peruntukan RM2 juta bagi menggabungkan Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang.

## Usaha memberdaya rakyat

# Beri nilai tambah program kebajikan

Oleh SOFIA NASIR

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri berharap memperkasa semua program pembangunan rakyat menerusi Belanjawan Selangor 2025 yang bakal dibentang pada November depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata program kebajikan sedia ada akan disemak semula bagi memastikan ia memberi nilai tambah atau diperkenal sebagai program bantuan baharu.

"Sejak 2008, Selangor terkenal se-

bagai negeri pemurah yang menghargai rakyat. Kita memberikan pemberian yang memberdayakan rakyat dan bukannya berunsur populis.

"Namun, kita perlu lihat balik adakah ia beri nilai tambah. Program perbaikan ini harus disemak balik dan kita boleh perkenalkan program baharu yang lebih sesuai," katanya pada 24 September.

Selain itu, Amirudin menambah program perumahan rakyat dan kebajikan masyarakat menuju turut diberi tumpuan.

Jelasnya, program Rumah Selangorku

serta Rumah Idaman dan Rumah Harapan yang diperkenal ketika pandemik Covid-19 merupakan kaedah negeri mempertahan sektor terbabit yang berdepan krisis ketika itu.

"Sama ada program perumahan itu perlu dikemaskini atau dikembalikan semula, kita perlu lihat. Saya percaya kita telah berjaya mengimbangi dan menyuaikan semula harga perumahan.

"Kita juga perlu melihat kos rumah kebajikan warga emas. Bagaimana kita mahu sediakan kos yang lebih baik kepada warga emas kerana kita ke arah negara menuju menjelang 2030," katanya.

## Bina pusat bangunkan AI

**SHAH ALAM** - Belanjawan Selangor 2025 yang bakal dibentang November depan menggariskan beberapa cabaran baharu bagi meneruskan momentum negeri sebagai penyumbang ekonomi terbesar negara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pentadbirannya berharap memajukan sektor pendigitalan khususnya teknologi kecerdasan buatan (AI) menerusi pembinaan pusat pembangunan AI pertama di Selangor.

"Proses kemodenan ini tidak boleh berhenti, sebaliknya harus berpegang pada satu konsep iaitu penggunaan te-

knologi untuk kebaikan yang membantu mempermudah serta meningkatkan kejituan.

"Tahun lepas kita telah cadangkan dan minta untuk buat beberapa pusat, antaranya pusat AI dan saya harap kita perlu muktamadkan segera kerana banyak pihak berpendapat AI ini akan terus membawa hala tuju ke depan," katanya.

Beliau menyampaikan ucaptama pada Dialog Belanjawan Negeri Selangor 2025 di Pusat Konvensyen Setia City di sini pada 24 September.

Selain kemajuan bidang pendigitalan, Amirudin menambah, belanjawan 2025

bakal memberi penekanan terhadap persediaan negeri berdepan dampak perubahan iklim dan pemanasan global.

Menurutnya, Selangor perlu berada dalam keadaan berdaya tahan dan memperkemas semua agensi berkaitan bagi menghadapi sebarang kemungkinan bencana seperti banjir besar yang berlaku pada 2021.

"Pusat kedua yang saya cadangkan adalah pusat kajian perubahan iklim. Kita telah hadapi bencana pada 2021 dan sekarang sedang berlaku di wilayah utara. Tidak mustahil ia akan kembali lagi ke sini," katanya.

## Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

## Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:45	5:55	7:01	1:08	4:15	7:10	8:19
5:45	5:55	7:01	1:07	4:15	7:09	8:18
5:44	5:54	7:01	1:07	4:16	7:09	8:18
5:44	5:54	7:00	1:07	4:16	7:08	8:17
5:44	5:54	7:00	1:06	4:16	7:08	8:17
5:44	5:54	7:00	1:06	4:16	7:08	8:17
5:43	5:53	7:00	1:05	4:16	7:07	8:16

## Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:47	5:57	7:02	1:10	4:18	7:11	8:20
5:46	5:56	7:02	1:09	4:18	7:11	8:20
5:46	5:56	7:01	1:09	4:18	7:11	8:19
5:46	5:56	7:01	1:09	4:18	7:10	8:19
5:46	5:56	7:01	1:08	4:18	7:10	8:19
5:46	5:56	7:01	1:08	4:18	7:09	8:18
5:45	5:55	7:00	1:08	4:19	7:09	8:18



EKSKLUSIF UNTUK PENJAWAT AWAM

HOTLINK POSTPAID 5G

# MILIKI TELEFON PINTAR 5G PERCUMA SEKARANG!



INTERNET 5G TANPA HAD



DATA PERAYUAN  
PERCUMA



KELAJUAN DATA 5G  
BERGANDA TANPA BATAS

For more information, please click here:

Untuk maklumat lanjut, imbas di sini:



# SELAMAT MENYAMBUT HARI SUNGAI SEDUNIA

"Sungai tidak hanya membawa air, di situ mengalirnya sebuah kehidupan"

Dibawakan khas oleh  
Landasan Lumayan  
**SMG**  
A project by LLSB

## Lahir pemimpin muda berkaliber

**KUALA LUMPUR** - Pendidikan politik dan kenegaraan perlu terus diperkuuh bagi memastikan negara tidak ketandusan pelapis berwibawa untuk memimpin negara ke arah lebih progresif pada masa depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berharap lebih banyak program ceklik politik dan kenegaraan diadakan bagi mendidik pimpinan muda supaya cakna isu di sekeliling mereka.

"Gunakan ruang anda (yang sesuai) untuk membawa perubahan. Contohnya saya sebagai Menteri Besar, cubalah buat apa yang mampu di peringkat saya.

"Kalau anda ibu, bapa, masyarakat atau komuniti, cuba gerakkan perubahan ke arah kebaikan sesuai peringkat anda," katanya dalam sesi khas dialog Pondok Siyasah bersama Dato' Menteri Besar di sini pada 21 September.

## Batal pendaftaran sekolah terlibat

**SHAH ALAM** - Operasi sekolah Islam yang terlibat atau terkait dengan kumpulan GISB Holdings (GISBH) akan ditutup, tegas pengurus Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

Menurut Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, tindakan tersebut termasuk membatal pendaftaran antara langkah tegas Mais selain bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) serta polis.

"Mais juga akan memastikan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor membuat keputusan segera bagi hasil kajian dan penelitian terhadap GISBH."

"Jais akan membentang laporan dalam mesyuarat Mais pada 24 September ini manakala Jabatan Mufti Negeri Selangor bersidang 30 September bagi memutuskan status ajaran GISBH," katanya dalam kenyataan pada 22 September.

## Tingkat kawalan rangkaian premis

**GOMBAK** - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) terus memantau dan meningkatkan penguasaan di rangkaian premis milik GISB Holdings (GISBH).

Timbalan Yang Dipertua Adi Faizal Ahmad Tarmizi berkata tindakan termasuk menyita premis akan dibuat jika didapati melanggar undang-undang ditetapkan pihak berkuasa tempatan itu.

"Kelmarin, kita laksana operasi bersama-sama bersama polis dan antara tindakan diambil ialah menutup premis yang tiada lesen, menyita dan mengeluarkan notis serta kompaun atas pelbagai kesalahan.

"Ini adalah isyarat bukan sahaja berkaitan kes seperti ini tetapi kepada peniaga dalam kawasan pentadbiran MPS supaya mengikut perundangan ditetapkan," katanya pada 22 September.

## Tutup lapan sekolah terkait GISBH

**SHAH ALAM** - Lapan sekolah Islam persendirian yang dikaitkan dengan Global Ikhwan Service and Business Holdings (GISBH) ditutup pada 23 September berikutnya menyalahi undang-undang.

Majlis Agama Islam Selangor (Mais) berkata pihaknya turut mengambil alih pengurusan Masjid Cahaya Iman dan menutup Musolla Ikhwan di Kompleks GISBH, kedua-duanya di Bandar Country Homes, Rawang.

"(Tindakan ini) sementara siasatan berhubung kesalahan jenayah termasuk jenayah syariah terhadap GISBH dan rangkaianya selesai dilaksanakan," kata

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof pada 25 September.

Sekolah itu ialah Maahad Tahfiz Wal Ulum Al Ghazaly, Sepang, Sekolah Rendah Islam Miftahul Hikmah, Klang, Sekolah Menengah Islam Global Ikhwan (Banat), Rawang dan Sekolah Menengah Islam Zadut Taqwa 2, Puchong.

Turut ditutup Sekolah Menengah Islam Zadut Taqwa 1, Shah Alam; Sekolah Rendah Islam Yaqutul Fuad, Rawang; Sekolah Rendah Islam Integrasi Bustanul Ikhwani, Rawang dan Sekolah Rendah Islam Integrasi Qurratul Ain, Sepang.

Beliau berkata pemeriksaan Jabatan

Agama Islam Selangor (Jais) mendapati sekolah itu melanggar Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988 (EPSAI 1988).

Abdul Aziz menegaskan tindakan pembatalan pendaftaran sekolah Islam yang masih lagi berkuat kuasa juga akan dilaksanakan tertakluk kepada peruntukan EPSAI 1988.

Dalam pada itu, katanya, jawatankuasa khas ditubuhkan terdiri daripada Mais, Jais, Jabatan Mufti Selangor, polis dan agensi berkaitan bagi menyelesaikan tindakan terhadap GISBH dan rangkaianya.

## Tambah baik garis panduan operasi

# Jawatankuasa pantau rumah kebajikan

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

**SHAH ALAM** - Jawatankuasa khas ditubuh untuk menambah baik garis panduan rumah kebajikan terutama melibatkan orang kurang upaya (OKU), warga emas dan anak yatim, kata EXCO Kebajikan Anfaal Saari.

Katanya, jawatankuasa yang diterajuji wakil rakyat Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze dianggotai wakil pihak berkuasa tempatan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan bahagian undang-undang Jabatan Kebajikan

Masyarakat.

Beliau memberitahu jawatankuasa tersebut antara lain berperanan melaini cadangan untuk mewujudkan undang-undang kecil perkhidmatan pusat jagaan di bawah penguatkuasaan PBT.

"Sebelum ini jawatankuasa tumpu kajian peringkat taska. Kita berpendapat wajar diperluas ke rumah kebajikan. Jawatankuasa ini juga memudah cara isu berbangkit seperti masalah kewangan dan isu teknikal.

"Selain itu, ia (jawatankuasa) akan mengkaji cadangan menwujudkan

enakmen khas mengenakan syarat setiap rumah perlindungan perlu mempunyai minimum empat orang penghuni," katanya pada 20 September.

Anfaal menjelaskan berkata isu eksloitasi kanak-kanak yang dikaitkan dengan GISB Holdings (GISBH) membuka mata pelbagai pihak mengenai perlunya pembaharuan sistem pengawasan rumah kebajikan.

"Selangor akan menambah baik garis panduan rumah kebajikan. Mesyuarat kali pertama pada Ogos lepas dan seterusnya akan diadakan Oktober depan," katanya lagi.

## Tingkat keselamatan rumah amal

**SHAH ALAM** - Tindakan tegas wajar dikenakan kepada kumpulan GISB Holdings (GISBH) yang disyaki melakukan jenayah berat termasuk penindasan terhadap kanak-kanak.

Naib Canselor Universiti Islam Selangor Prof Madya Dato' Dr Farid Ravi Abdullah yakin pihak berkuasa seperti Majlis Agama Islam Selangor dan polis memiliki bukti kukuh untuk mendakwa kelompok berkenaan.

"Pembongkaran demi pembongkaran terhadap aktiviti kumpulan itu makin membuktikan aktiviti mereka bertentangan ajaran Islam sebenar,

contohnya pendoktrinan kepada warganya dan pelajar.

"Doktrin ini bercanggah dengan ajaran agama terutama akidah dan amalan seseorang muslim. Begitu juga bukti video kanak-kanak didera tanpa belas kasihan. Ini amat bertentangan," kata pendakwah terkenal itu.

Pengerusi Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Selangor (Pitas) Muhamad Hafiz Muhamad Haneefa juga menyokong tindakan memantau semua operasi dan program di setiap rumah amal dan kebajikan selepas ini.

Beliau percaya langkah sedemikian

berupaya memastikan setiap pengusaha atau pemilik mematuhi peraturan, sekali gus menepati syarat yang ditetapkan.

"Kita harap akan ada tindakan tepat untuk atasi isu berkaitan GISBH ini termasuk kekerapan pemantauan. Langkah ini juga dapat mengelakkan perkara sebegini kembali berulang.

"Jangan tuding jari kepada mana-mana pihak kerana sebagai manusia kita sering lakukan kesilapan, tetapi perkara ini boleh mengajar kita dan tambah baik pada masa depan," katanya.

## Tuai hasil dalam tempoh setahun

**SHAH ALAM** - Program tanaman kontan bawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membimbang petani untuk menuai hasil bernilai tinggi sekali gus memperkuuh agenda jaminan bekalan makanan.

Penerima geran Projek Tanaman Kontan Bernilai Tinggi, Mohammad

Izzat Ismail memberitahu perbadanan berkenaan banyak memberi bimbingan dan sokongan bagi memastikan tuaian mengikut tempoh ditetapkan.

Mencebur bidang pertanian sejak 2016 dengan tanaman durian, pemilik Dusun Cikgu Mail berusia 33 tahun itu berkata pemberian bantuan tunai

memudahkannya membeli barang mengikut keperluan.

"Dengan insentif yang dalam bentuk tunai ini, petani dapat putuskan barang apa yang diperlukan. Jadi memang sangat baik insentif ini dan harus diteruskan," katanya dalam program Hai Selangor pada 19 September.



# SELAMAT MENYAMBUT HARI SUNGAI SEDUNIA

"Sungai tidak hanya membawa air, di situ mengalirnya sebuah kehidupan"



**BANTU...** Pengurus Bencana Negeri Najwan Halimi mengerakkan pasukan Sukarelawan Selangor (Serve) bawah Majlis Sukan Negeri Selangor membersihkan kediaman mangsa banjir di Kampung Alor Merah, Alor Setar, Kedah pada 25 September. Daerah Kota Setar mencatat jumlah tertinggi seramai 3,672 mangsa. Foto Facebook Amirudin Shari

Tanam jagung bijirin 500 ekar

# Kurangkan import makanan

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

**SUBANG JAYA** - Tanaman jagung bijirin akan diperluas bagi mengurangkan kebergantungan import makanan haiwan ternakan sekali gus menstabilkan harga pasaran, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memiliki ladang seluas 120 ekar yang menghasilkan 1.2 tan jagung bijirin dan bercadang mengembangkan 500 ekar pada masa depan.

"Jagung bijirin hasil kajian inovasi pasukan kita yang baik tetapi untuk kembangannya perlu kenal pasti tanah sesuai," katanya sambil menambah PKPS giat mengusahakan pusat pengumpulan di Tanjung Sepat, Kuala Langat.

Amirudin yang diiringi EXCO Pertanian Ir Izham Hashim mengunjungi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang pada 19 September.

Pusat pengumpulan tersebut yang menempatkan mesin pengeringan dan penguraian turut dilengkapi tempat penyimpanan yang berupaya

menampung kira-kira 200 tan jagung dan kini mencapai 30 peratus.

Amirudin berkata aspek pemodenan pertanian dan tanaman bernilai tinggi diberi tumpuan demi memajukan sektor berkenaan sekali gus mempromosi hasil tempatan.

Beliau memberitahu pemodenan kunci kepada penghasilan tanaman bernilai tinggi antaranya melon, vanila planifolia dan ternakan udang kara.

"Ini penting dan menjadi kunci dalam pemodenan, pada masa sama meneruskan produk-produk lain di bawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dalam memperkenalkan kemajuan pertanian," katanya pada 19 September.

Beliau turut menggalakkan penduduk yang ada mengusahakan kebun komuniti sebagai hobi atau kegiatan pertanian bandar supaya beralih kepada tanaman bernilai tinggi.

"Perlu ada transformasi tetapi mereka perlu bergabung kerana saiz kebun agak kecil. Pertanian bernilai tinggi seperti tanaman vanila tidak memerlukan penjagaan terlalu sukar," katanya.

Lebih lima juta pelawat direkodkan mengunjungi pameran pertanian yang berlangsung 12 hari dengan catatan jualan sebanyak RM41 juta.

## Bangun ekosistem agromakanan

**SUBANG JAYA** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) bagi membangun ekosistem keusahawanan sektor agromakanan.

Pertukaran MoU antara Ketua Divisyen Kewangan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Kewangan MBI Zannifa Azura Ahmad dan Presiden Agrobank Dato'Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin diadakan pada 19 September.

Zannifa Azura menjelaskan kerjasama tersebut julung kali diadakan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Beliau menjelaskan kerjasama tersebut selaras matlamat Rancangan Selangor Pertama (RS-1) berkaitan aspek keterjaminan makanan.

"Dengan kerjasama ini, Agrobank akan membantu daripada segi pembiayaan dan memberi latihan serta khidmat nasihat kepada usahawan yang terlibat dalam sektor agromakanan.

"Kita ada merancang beberapa projek menerusi kerjasama ini dan jangka bermula selewatnya awal tahun hadapan," katanya.

Rumah Berkembar dan Banglo  
3 Tingkat Dengan Lif

Serlahkan keperibadian anda di Residensi Polo, menampilkan sebuah pintu keluar-masuk dengan persiaran selapang 50', di samping jalan mati pada setiap lorong perumahan untuk menekankan lagi faktor keselamatan.

DIBANGUNKAN OLEH

**MAYANG TIASA**  
PROPERTY DEVELOPMENT

KETAHUILEHILIR LANJUT

[www.yajuestates.com/the-polo](http://www.yajuestates.com/the-polo)

+6013 896 1988  
<https://wa.link/z966hr>



Pemaju Mayang Tiasa Sdn Bhd. • Alamat Pemaju No. 1, Jalan Polo 10/1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Tel: +603 6150 2629 • No. lesen Pemaju: 2024/07-2027/0123(A) • Tempoh Sah: 18/07/2023 - 17/07/2027 • (FASA 1) No. Permit Pengalaman dan Jadual: 2024-2-10-2025/NITE(A)-L1 • Tarikh 1 Sabtu, 26/10/2023 - 24/10/2025 • Pihak Berkaitan MuJalaka: MBI Berhad, Agrobank, Pameran Pertanian, dan Agro Pelancongan Malaysia Berhad (Agrobank). • Penyumbang: Pameran Pertanian, MBPJ/12/2020/T/P10/169/2022 (7) • Penganggaran Tarikh Pujotan: 99 Tahun (Tarikh Luput: 06/09/2122) • Cagayan Taruh: RHB Bank • Tarikh Dijangka Siap Membebani: Q4, 2025 • Jenis Pembangunan: (FASA 1) Rumah Berkembar 3 Tingkat; Jumlah Unit = 82 unit (Baki: 50 Unit); Luas Binaan: Jenis A1 - 4,155.08 kps (386.02 mps) & 4,449.70 kps (394.55 mps) & 4,241.30 kps (394.05 mps); Jenis A3 - 4,354.11 kps (404.51 mps); Jenis A4 - 4,676.16 kps (434.43 mps); Harga Jualan: RM3,596,800 (min.) - RM5,542,800 (max.) • (FASA 2) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps) & 4,833.53 kps (449.05 mps); Jenis B2: 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B4 - 4,833.53 kps (449.05 mps); Harga Jualan: RM4,714,800 (min.) - RM5,873,800 (max.) - 7% Diskaun Bumiputer (Terlukuk pada kuota); Sekatan-sekatan Kelebihan Tanah: (FASA 2) No. Permit Pengalaman dan Jadual: 2024-2-10-2025/II/IN(L)-L • Tempoh Sah: 19/10/2023 - 18/10/2025 • Pihak Berkaitan MuJalaka: MBI Berhad, Agrobank, Pameran Pertanian, dan Agro Pelancongan Malaysia Berhad (Agrobank). • Penyumbang: Pameran Pertanian, MBPJ/12/2020/T/P10/169/2022 (7) • Penganggaran Tarikh Pujotan: 99 Tahun (Tarikh Luput: 06/09/2122) • Cagayan Taruh: RHB Bank • Tarikh Dijangka Siap Membebani: Q4, 2025 • Jenis Pembangunan: (FASA 2) Rumah Berkembar 3 Tingkat; Jumlah Unit = 93 unit (Baki: 53 Unit); Luas Binaan: Jenis A1 - 4,155.08 kps (386.02 mps) & 4,449.70 kps (394.55 mps); Jenis A3 - 4,354.11 kps (404.51 mps); Jenis A4 - 4,676.16 kps (434.43 mps); Harga Jualan: RM3,614,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 2) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 3 unit; Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM5,694,800 (max.) - 7% Diskaun Bumiputer (Terlukuk pada kuota); Sekatan-sekatan Kelebihan Tanah: Terlukuk pada kuota; • Masa Persefahaman: 2024-2025 • Jenis A1-A4: 4,155.08 kps (386.02 mps); Jenis A3-A4: 4,354.11 kps (404.51 mps); Jenis A3-B3: 4,421.49 kps (410.77 mps); Jenis A3-C3: 4,241.49 kps (410.77 mps); Jenis A3-D3: 4,676.16 kps (434.43 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 3) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 4) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 5) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 6) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 7) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 8) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 9) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 10) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 11) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 12) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 13) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 14) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 15) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 16) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 17) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 18) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 19) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 20) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 21) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 22) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 23) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 24) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 25) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 26) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 27) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 28) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 29) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 30) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit = 5 unit (Baki: 4 Unit); Luas Binaan: Jenis B1 - 4,480.15 kps (416.22 mps); Jenis B2 - 5,097.78 kps (473.60 mps); Jenis B3 - 4,356.99 kps (402.92 mps); Harga Jualan: RM4,873,800 (min.) - RM6,577,800 (max.) • (FASA 31) Rumah Sesebuah 3 Tingkat; Jumlah Unit =



# SELAMAT MENYAMBUT HARI SUNGAI SEDUNIA

"Sungai tidak hanya membawa air, di situ mengalirnya sebuah kehidupan"

Dibawakan khas oleh  
Landasan Lumayan  
**SMG**  
A project by LLSB

## Tiada kes cacar monyet di Selangor

**SHAH ALAM** - Tiada laporan jangkitan kes cacar monyet atau mpox di Selangor setakat ini dan situasi penyakit tersebut terus terkawal, kata EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin.

Beliau menjelaskan semua 10 kes mpox yang dilapor sejak Julai tahun lalu juga tidak membimbangkan, hanya membabitkan Clade II sahaja dan bukan jenis sebaran serius.

"Kita tidak terima laporan jangkitan mpox di Selangor. Segalanya masih terkawal, malah 10 kes yang ada pun terkawal dan bukan jenis sebaran yang serius."

"Untuk makluman, jangkitan mpox ini juga tidak terlalu berisiko berbanding Covid-19 kerana ia hanya tersebar melalui cairan berbanding Covid melalui udara," katanya pada 19 September.

## RM500,000 bantu peniaga sertai expo

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) memperuntuk RM500,000 tahun ini bagi membantu usahawan berbakat untuk menyertai ekspo peringkat antarabangsa di dalam negara untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Ini termasuklah penyertaan dalam Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) 2024 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (Mitec), Kuala Lumpur, lapor Bernama.

Menurut PKNS, sebanyak 14 usahawan bimbingan Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) yang menyertai Mihas 2024 di pavilionnya menarik perhatian ramai pengunjung sejak pameran itu bermula pada 17 September.

"Semua usahawan di dalam sektor makanan dan minuman diketengah BPU di Mihas tahun ini sebagai langkah memperkenalkan produk mereka bagi melihat potensi ke arah mengembangkan produk tempatan ke peringkat antarabangsa," katanya.

## Tawar dana niaga hingga RM50,000

**SHAH ALAM** - Mana-mana usahawan di negeri ini yang memerlukan modal untuk mengembangkan lagi perniagaan dipelawa memohon skim pembiayaan i-Bisnes.

Menurut Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor), pihaknya menawarkan pembiayaan sehingga RM50,000 untuk pembelian aset dan pengubahan premis perniagaan.

Peniaga disarankan melayari pautan hijrahselangor.com untuk memperoleh maklumat lanjut atau membuat imbasan kod QR poster untuk membuat permohonan.

Pada 11 September, Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah Selangor Dato' Mearia Hamzah berkata pihaknya meluluskan 90,475 pembiayaan sejak 2015 hingga Ogos lalu.

## Taklimat berkala penyakit berjangkit

**SHAH ALAM** - Selangor meningkatkan pengesanan awal kes cacar monyet atau mpox dengan mengukuhkan sistem pengawasan kemudahan kesihatan negeri bagi menangani penularan penyakit itu.

EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin memberitahu langkah lain termasuk memperkuuh pengurusan kes melalui taklimat berkala dan program pendidikan perubatan berterusan di setiap daerah.

Beliau menjelaskan pentadbiran negeri turut menyediakan pendidikan kesihatan secara berterusan kepada masyarakat untuk meningkatkan kes-

aran dan langkah pencegahan.

"Kita bekerjasama erat dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bagi mengemas kini situasi terkini dari masa ke semasa serta merangka tindakan proaktif dan langkah pencegahan untuk mengawal penyebaran," katanya pada 18 September.

Jamaliah menasihati individu berisiko dan bergejala seperti ruam dan lepuh pada kulit tidak menangguh pemeriksaan manakala orang ramai perlu mengelak bersentuhan dengan individu yang disyaki dijangkiti mpox.

"Kerajaan Selangor menasihati semua individu yang merancang un-

tuk melawat negara yang melaporkan kes mpox agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan mengamalkan kawalan kesihatan kendiri.

"Selain itu, semua pengembara yang kembali dari negara-negara berkenaan dinasihatkan untuk memantau kesihatan diri selama 21 hari selepas tiba di Malaysia," kata beliau lagi.

Beliau menambah pentabiran negeri akan terus bekerjasama dengan JKNS untuk memantau situasi mpox di dalam dan luar negara selain memaklumkan perkembangan terkini dari semasa ke semasa.

## Pengunjung teruja temui aneka produk unik

# Berbaloi kunjungi Pavilion Selangor

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

**SUBANG JAYA** - Pengunjung teruja menyaksikan pelbagai produk di Pavilion Selangor sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang.

Mengakui tidak menyangka pokok vanila boleh ditanam di negara ini, jurugambar Atheelia Mohd Yatim, 34, memberitahu pokok berkenaan di rumai Meme Vanilla Farm antara produk yang menarik perhatiannya.

"Kini boleh pegang, lihat sendiri buah vanila selain tahu rupa pokok itu. Berbaloi datang dari Melaka. Seti-

ap negeri ada keistimewaan, Pavilion Selangor saya tertarik dengan tanaman vanila," katanya pada 20 September.

Pelajar Muhammad Hafidzi Hamim, 20, pula menganggap kunjungan ke Pavilion Selangor berbaloi selain dapat menambah pengetahuan mengenai pelbagai jenis produk pertanian dan makanan keluaran usahawan Selangor.

"Ada udang kara yang diternak menggunakan teknologi terkini, pelbagai jenis makanan termasuklah sate kebab dan ikan gourami salah satu spesis ikan kaloi turut dijual di sini.

"Banyak benda saya belajar sepan-



jang kunjungan ke sini sebab di setiap kawasan pameran seperti kelulut dan binatang lain ada diletakkan keterangan maklumat untuk bacaan pengunjung," katanya.

Sebelum ini, EXCO Pertanian Ir Izham Hashim menjelaskan pelbagai produk pertanian moden dan bernilai tinggi ditampilkan di Pavilion Selangor sempena penganjuran MAHA 2024.

Produk tumpuan termasuk Vanilla Planifolia, sejenis tanaman orkid yang ada nilai komersial tinggi, ikan Gourami (ikan air tawar spesies kaloi), jagung bijirin bermutu tinggi, melon Selangor, kelapa dan nanas.

## Peluang kembang potensi niaga

**SUBANG JAYA** - Pavilion Selangor menjadi pusat sehenti terbaik untuk usahawan negeri mengembangkan potensi pasaran produk mereka sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Pengasas Meme Vanilla Farm Dr Chong Yee Hang menjelaskan puluhan pokok vanila dipamer untuk pengunjung menyaksikan tumbuhan tersebut yang memiliki nilai komersial di pasaran dengan lebih dekat.

Beliau memberitahu kira-kira 1,700 pokok vanila ditanam di ladang seluas 1.5 ekar di Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor sejak empat tahun lalu.

"Memang ramai akui tidak pernah

melihat pokok vanila secara dekat, jadi di Pavilion Selangor mereka berpeluang untuk tengok, rasa sendiri tekstur buah vanila dan mereka boleh membelinya.

"Ada pengusaha bakeri dan ais krim yang berminat mendapatkan bekalan vanila daripada kami selain hidmat nasihat untuk memulakan tanaman vanila," katanya di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang pada 20 September.

Pengurus syarikat LPY Akuakultur Sdn Bhd Dr Sharihan Fathi berkata pihaknya mengetengah ikan gourami yang ada nilai komersial tinggi dalam pam-



eran yang bermula pada 11 September.

Beliau menambah spesies ikan kaloi yang turut terkenal di Indonesia bukan sahaja dipamer, bahkan turut dijual kepada pengunjung.

"Hanya di MAHA, kami buka jualan untuk pengunjung kerana setakat ini hanya dijual kepada peniaga restoran saja. Pengunjung Pavilion Selangor bertuah kerana dapat rasa dan boleh beli bawa balik ikan yang sejuk beku.

"Di Malaysia, mungkin ramai yang takut makan ikan kaloi mungkin kerana biasa dengar cerita dongeng mengenainya tetapi sebenarnya ia boleh dimakan dan sangat popular di Indonesia," katanya.





Buru ikan bandar raya, selamatkan sungai  
12&13

# Bongkar amalan taasub

Oleh NAZLI IBRAHIM

**N**egara gempar selepas polis menyelamatkan 402 kanak-kanak dan remaja antara setahun hingga 17 tahun di 18 rumah amal berkaitan syarikat GISB Holdings (GISBH) di Selangor dan dua di Negeri Sembilan.

Menerusi Op Global, polis mendapati mereka diabai, tidak bersekolah, dijadikan buruh paksa selain ada yang dianiaya secara seksual oleh penjaga.

Sejak itu, beberapa premis berkaitan GISBH di seluruh negara diserbu dan pelbagai salah laku syarikat yang digerakkan bekas ahli al-Arqam itu dibongkar.

Berikut pendedahan termasuk daripada Ketua Polis Negara Tan Sri Razaruddin Husain sejak Op Global dilancar pada 11 September berhubung kegiatan jenayah GISBH.

- 13 kanak-kanak diliwat berdasarkan saringan perubatan 384 penghuni di 20 rumah perlindungan. Mereka juga diajar dan dipaksa meliwat penghuni lain
- kanak-kanak didera dengan objek seperti sudu panas dan rotan selain dipukul dan dada ditekan sebagai hukuman. Mereka juga kekurangan zat makanan
- empat beradik berusia enam hingga 11 tahun terpisah daripada bapa sejak 2021 ditemui
- terdapat ahli GISBH ada 34 anak namun dua tinggal bersamanya dan tidak tahu nama anaknya yang lain
- kanak-kanak di rumah amal didoktrin mereka ialah anak yatim dan tidak kenal ibu bapa sendiri
- helaian janggut dalam bekas khas, 455 risalah dan logo berkaitan al-Arqam dirampas di rumah pengurusan GISBH di Rawang

## Reaksi pihak berkuasa agama

**DULI Yang Maha Mulia** (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menitahkan pihak berkuasa agama dan polis segera mengambil tindakan terhadap GISBH yang disyaki melakukan jenayah berat. Semua rumah amal dan sekolah agama bawah GISBH yang tidak berdaftar atau disyaki terlibat jenayah syariah juga dititahkan untuk ditutup.



**MAJLIS Agama Islam Selangor** (Mais) memaklumkan Jabatan Agama Islam Selangor menutup lapan sekolah Islam persendirian berkaitan GISBH pada 23 September. Mais juga ambil alih Masjid Cahaya Iman dan menutup musolla Ikhwan di Rawang.



**DYMM Yang di-Pertuan Agong** Sultan Ibrahim menitahkan polis menyiasat isu jenayah dan penganiayaan kanak-kanak berkaitan GISBH secara menyeluruh.



**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar memberitahu doktrin fahaman GISBH akan dibincang oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) antara 24 hingga 26 September. Ia akan dibawa ke MKI sebelum dirujuk ke Majlis Raja-Raja pada 10 Oktober.



Foto BERNAMA

## KRONOLOGI SERBUAN DAN PENDAKWAAN

### 11 September

Polis serbu 20 rumah di Selangor dan Negeri Sembilan serta tahan 171 individu atas kes eksplorasi kanak-kanak dan agama

### 12 September

Remaja perempuan 19 tahun didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban atas empat pertuduhan dera fizikal empat kanak-kanak perempuan lima hingga enam tahun di pusat asuhan berkaitan GISBH

### 13 September

Polis terima 41 laporan berkaitan GISBH sejak 2011 hingga September tahun ini

### 17 September

Polis sahkan 96 akaun GISBH dibeku serta empat akaun ditutup melibatkan nilai lebih RM581,000. Tiga kertas siasatan diserah kepada Jabatan Peguam Negara

### 18 September

Ahli GISBH Mohamad Riza Makar mengaku tidak bersalah mengugut wanita pada 9 September di Mahkamah Majistret Putrajaya

### 19 September

19 individu termasuk pengurusan tertinggi, isteri serta beberapa pemimpin GISBH direman tujuh hari

Tiga pembantu pengajar madrasah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan berkaitan GISBH didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban kerana amang seksual terhadap lima kanak-kanak pada 2022 dan 2023

### 20 September

Tujuh lagi individu berkaitan GISBH ditahan atas kes pemerdagangan orang termasuk anak bekas pemimpin al-Arqam Allahyarham Ashaari Mohammad

Seorang lagi pembantu pengajar madrasah di Kuala Pilah didakwa melakukan amang seksual terhadap empat kanak-kanak lelaki, tahun lepas di Mahkamah Sesyen Seremban

### 21 September

Op Global memasuki fasa keempat dengan serbuan di 82 premis, 186 mangsa terdiri daripada 102 lelaki dan 84 wanita diselamatkan, manakala 155 suspek terdiri daripada 78 lelaki dan 77 wanita ditahan



## SELAMAT MENYAMBUT HARI SUNGAI SEDUNIA

"Sungai tidak hanya membawa air, di situ mengalirnya sebuah kehidupan"

Dibawakan khas oleh  
Landasan Lumayan  
**SMG**  
A project by LLSB

# Suruhanjaya negeri lindung sumber air



Oleh DANIAL DZULKIFLY

**S**uruhanjaya air negeri akan dibentuk bertujuan menyelia dan menguruskan semua perkara berkaitan air di Selangor. Ia termasuk air terawat, mentah dan air kumbahan dan projek membina lebuh raya air bernilai RM5 bilion.

Penubuhan badan berkenaan sebahagian strategi Kerajaan Negeri meningkatkan kawalan dan pengurusan aset airnya, sekali gus mengurangkan kejadian banjir di Lembah Klang.

Sehubungan itu, satu perancangan dibuat supaya jawatankuasa Skim Keselamatan Air Mentah (SJAM) negeri yang menyelia bekalan air terawat di Selangor dapat dinaiktaraf menjadi Suruhanjaya Air Selangor (SAS).

Ia akan menyatukan semua pihak berkuasa pengurusan air termasuk Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Turut dipertimbangkan ialah pengambilalihan bahagian Selangor dalam syarikat pembetungan nasional, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd dan meletakkannya di bawah bidang kuasa SAS.

Bagaimanapun, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim yang mendedahkan perkara itu tidak memberikan garis masa yang pasti bila langkah itu akan selesa.

"Pada asasnya, negeri memerlukan rangka kerja undang-undang yang kuat untuk melindungi

sumber airnya. Sebab itu kita juga melihat kemungkinan mengambil alih IWK Selangor.

"SAS akan membolehkan pengurusan aset air yang lebih bersepadu di negeri ini. Sehingga kini, tiada negeri lain yang melaksanakannya," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Luas ditubuhkan mengikut Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 dan bertanggungjawab dalam pengurusan sumber air di Selangor.

Agenzi itu menyelia lembangan sungai, sumber air bawah tanah, air permukaan, tasik, kolam, bekas kolam perlombongan dan kawasan pantai melalui pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) dan Pengurusan Pantai Bersepadu (ICM).

Air Selangor pula menyedia perkhidmatan air terbesar di Malaysia, membekalkan air bersih dan terawat kepada 9.3 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ia mengendalikan 34 loji rawatan air di 11 wilayah di Lembah Klang.

Izham menjelaskan, SAS tidak akan bercanggah dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), sambil menegaskan pengurusan air kekal sebagai urusan negeri.

Beliau juga menyatakan, SPAN tidak menguruskan air kumbahan, menonjolkan peranan unik bakal dimainkan SAS apabila ditubuhkan kelak.

Suruhanjaya itu sebahagian pelan

pengurusan bersepadu air negeri yang merangkumi perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi aset air dan strategi tebatan banjir.

Pada masa ini, jawatankuasa SJAM, kerjasama antara agensi dan pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab menguruskan sumber air di negeri ini termasuk projek infrastruktur berkaitan air.

### Lebuh raya air

Empat projek utama di bawah SJAM melibatkan pembekalan, pemasangan, pengujian dan petaulahan sistem pengepaman dan kerja-kerja berkaitan di pelbagai tapak.

Ia membabitkan Sistem Peningkatan Hibrid Pinggir Sungai (Horas) 600 di Bestari Jaya, Kuala Selangor (Pakej A), Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang di Kuala Selangor (Pakej B), LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 di Bestari Jaya (Pakej C), dan LRA Sungai Semenyih di Jenderam Hilir (Pakej D).

Projek-projek itu dijangka siap sepenuhnya Oktober tahun ini dan semua sumber air utama seperti sungai dan kolam dihubungkan bagi memastikan keselamatan air.

Mengenai lebuh raya air bernilai RM5 bilion, projek itu akan menghubungkan laluan air di Kuala Lumpur terus ke Sungai Klang dan kemudiannya mengalir ke laut.

Butiran terperinci masih dibincangkan, namun konsepnya

sama seperti saluran atau terowong besar menyalurkan lebihan air dari Kuala Lumpur terus ke laut.

Lebuh raya itu terdiri daripada beberapa titik penurunan utama, terutamanya di tanah pamah di Lembah Klang yang terdedah kepada banjir.

"Ideanya menyalurkan semua air yang terkumpul di Kuala Lumpur dan bawa terus ke laut supaya ia tidak menyebabkan banjir di sepanjang sungai utama di Lembah Klang.

"Jadi, jika terdapat sebarang keabnormalan paras air seperti yang disebabkan oleh hujan, ia akan membawa air terus ke laut," katanya.

Izham berkata, lebuh raya air berkenaan dijangka mempunyai diameter sekurang-kurangnya lapan hingga sembilan meter membantu menyelesaikan isu banjir di Lembah Klang.

"Kami juga boleh menggunakan lebuh raya untuk menyimpan lebihan air di dalam takungan berhampiran laut, yang boleh digunakan semasa kecemasan seperti kemarau."

Cadangan itu sudah dibentangkan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof, yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

"Kami juga memaklumkan cadangan tersebut kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Projek ini adalah satu lagi pengubah permainan, tetapi ia mestilah dilaksanakan dengan betul," kata Ir Izham.

## SELAMAT MENYAMBUT HARI SUNGAI SEDUNIA

"Sungai tidak hanya membawa air, di situ mengalirnya sebuah kehidupan"

Dibawakan khas oleh  
Landasan Lumayan  
**SMG**  
A project by LLSB

# Menapak ke air terjun

Oleh NADIAH ZAMLUS

**T**idak perlu menghabiskan ratusan ringgit ke lokasi percutian yang jauh. Air terjun dalam Selangor cukup untuk merehatkan minda dan menenangkan jiwa.

Bagi pecinta alam sekitar dan peminat sukan lasak khususnya, keindahan flora dan faunanya sepanjang perjalanan ke lokasi pastinya menggamit pandangan.

Sempena sambutan Hari Sungai Sedunia pada 26 September, wartawan NADIAH ZAMLUS menyenaraikan air terjun di Selangor yang menarik untuk diterokai.




Foto Instagram Tourism Selangor

### Sungai Pisang

Terletak di Gombak, pendakian selama sejam ke air terjun ini melintas sungai kecil sebelum melalui terowong besar bawah Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

Di situ peserta boleh bergambar sebelum meneruskan perjalanan ke air terjun yang turut menjadi lokasi perkelahan. Rasa penat pasti hilang setelah tiba di air terjun tersebut. Pengunjung diwajibkan memohon permit Jabatan Hutan negeri sebelum ke sana.

### Sungai Chiling

Lokasinya kira-kira 13 kilometer (km) dari Kuala Kubu Bharu. Pengunjung perlu menelusuri laluan hutan sejauh empat kilometer dan meranduk lima sungai penuh batu licin untuk ke Air Terjun Sungai Chiling.


Sebahagian tarikan di trek ialah santuari ikan kelah di sungai menuju ke air terjun. Diuruskan Jabatan Perikanan negeri, ikan berkenaan boleh dilihat serta mudah didekati pengunjung sepanjang laluan ke air terjun



### Sungai Ampang

Terletak dalam Hutan Simpan Hulu Gombak berdekatan Zoo Negara, pengunjung perlu melalui Kampung Kemensah dan berhenti di pondok Institut Budaya Baru Melayu. Dari situ, mereka menempuh perjalanan selama 45 minit dan boleh menikmati keindahan enam air terjun antaranya Kubang Gajah dan Lata Sham.

Tarikan berkenaan turut dikenali Air Terjun Sofea Jane berikutnya artis terkenal itu pernah menjalani penggambaran filem Cinta Kita sekitar 1990-an. Pengunjung perlu memohon permit sebelum ke sana. Sekiranya tidak mahu mendaki, boleh menaiki kendaraan lasak pelbagai bentuk muka bumi (ATV)



### Batu Bertenggek

Air terjun setinggi 30 meter ini terletak di Kerling, Hulu Selangor. Ia mendapat nama itu kerana kedudukan batu di sekelilingnya seakan-akan duduk bertenggek di antara satu sama lain.

Treknya mudah, hanya laluan hutan biasa dan pengunjung akan sampai ke kawasan air terjun. Diingatkan kawasan berkenaan pernah berlaku kejadian kepala air, justeru perlu sentiasa pantau keadaan cuaca



### Lata Medang

Dikatakan sebagai air terjun paling cantik di Hulu Selangor. Treknya mencabar dan perlu berjalan dua jam untuk ke air terjun.


Walaupun banyak laluan landai, tetapi ada juga laluan berbukit dan licin. Sebelum sampai ke lokasi sebenar, pendaki akan tiba di kawasan sungai dinamakan Lata Mecu. Jika ingin melihat air terjun lebih cantik, anda perlu mendaki lebih jauh



### Sungai Lepoh

Juga dikenali sebagai Sungai Lopo ataupun Sungai Lepok, air terjun ini terletak di Hulu Langat. Air terjunnya ada gelongsor semula jadi lantaran batuannya besar, rata dan licin dan boleh digunakan meluncur.

Laluan ke air terjun bermula dari Kem Asli Adventure di Kampung Kuala Pangsun dan perlu merentasi kebun getah, jambatan kayu dan tanah licin selama satu jam 30 minit





Peserta mendaftar program tangkapan ikan bandar raya anjuran Jabatan Perikanan Selangor di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat pada 1 September



Dua remaja yang juga ahli KPIB menebar jala menangkap ikan pleco di Hulu Langat pada 1 September. Seramai 61 orang menyertai program tersebut



Pengarah Urusan AM PM International Sdn Bhd Saripah Yaacob (kanan) menerangkan kaedah penghasilan baja ikan bandar raya di Hulu Langat kepada Ir Izham pada 1 September



Ir Izham meneliti kandungan produk baja ketika taklimat yang disampaikan anggota KPIB Mohd Haziq A Rahman (kiri) di Taman Tasik Biru Kundang, Gombak pada 24 Ogos



Ir Izham bersama ahli KPIB dan orang awam menjala ikan asing dalam Program Inisiatif Pemburu Ikan Pleco di Denai Sungai Kebangsaan, Hulu Langat pada 1 September



Peserta menimbang hasil tangkapan dalam program Inisiatif Tangkap Ikan Pleco di Sungai Langat pada 1 September. Kempen menawarkan RM1 bagi setiap kilogram tangkapan



Lebih 200kg ikan dikumpul peserta yang menjala di tebing sungai semasa program di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat pada 1 September



EXCO pertanian (tengah) bersama ahli KPIB selepas aktiviti tangkapan di Sungai Langat anjuran Jabatan Perikanan Selangor pada 9 Jun



Seorang ahli KPIB menaikkan jalanya yang dipenuhi ikan bandar raya bersaiz besar ketika program tangkapan secara mingguan di Sungai Langat pada 13 Julai



Peserta membakar sate daging ikan bandar raya yang ditangkap dalam program KPIB bersama kakitangan Bank Simpanan Nasional (BSN) di Bangi pada 13 Julai



Sebahagian menu enak ikan bandar raya dihidangkan untuk tetamu dan ahli KPIB ketika program tanggungjawab sosial korporat bersama BSN di Bangi pada 13 Julai



Peserta menuis sambal daging ikan bandar raya ketika program di Bangi pada 13 Julai



Penternak di Jerantut, Pahang memasukkan ikan bandar raya dalam mesin pengisar pada 27 Ogos. Hasil tangkapan ahli KPIB di Sungai Damansara dijadikan makanan ikan keli

## Buru perosak sungai

**KEHADIRAN** ikan bandar raya yang disenarai antara lebih 20 spesies ikan asing mengancam sungai dan habitat air tempatan. Turut dikenali ikan pleco, hidupan air itu menghasilkan sehingga 3,000 telur dalam 48 jam, selain merosakkan tebing sungai dan tasik negara ini.

Pelbagai usaha digerakkan sejak kebelakangan ini di seluruh tanah air termasuk membentuk komuniti bagi memburu ikan bandar raya, sekali gus memulihara sungai dan persekitarannya serta ekosistem spesies tempatan.

Inisiatif lain termasuk kempen Kerajaan Negeri menyasarkan tangkapan 50,000 kilogram (kg) ikan bandar raya bermula 1 September di beberapa sungai negeri ini dengan insentif RM1 bagi setiap kg tangkapan.

Bekerjasama dengan Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB), EXCO Pertanian Ir Izham Hashim memperuntuk RM50,000 sepanjang September untuk tujuan itu dan Sungai Langat antara lokasi tumpuan menangkap ikan asing berkenaan.

Sempena Hari Sungai Sedunia pada 26 September, lensa MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN, NUR ADIBAH AHMAD IZAM dan foto Facebook KPIB merakam aktiviti penangkapan ikan bandar raya di negeri ini. Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.



Peserta menunjukkan dua ekor ikan pleco hasil tangkapannya di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat pada 1 September



Setiap minggu sepanjang September, hasil tangkapan ikan bandar raya dibawa ke pusat pengumpulan di Seksyen 33, Shah Alam untuk proses pereputan dan dibuat baja

# Mengubat cara Melayu

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

**S**ebut bomoh, dukun atau pawang pasti terlintas dalam fikiran, orang berkenaan ada ilmu sihir, membaca mantera atau jampi dalam bahasa pelik dan melakukan upacara ganjil.

Perbuatan-perbuatan itu menyebabkan pengamal perubatan tradisional Melayu dipandang serong masyarakat, sekali gus memberi tanggapan amalan perbomohan sesuatu yang tidak baik.

Tidak dinafikan, memang ada bomoh melanggar syariat Islam dan mendatangkan banyak mudarat termasuk fitnah selain melakukan perbuatan jenayah seperti rogol.

Malah, kes-kes pengamal perubatan tradisional yang menyimpang daripada tatususila masyarakat banyak dilapor oleh media dan mengundang reaksi orang ramai.

“Bomoh yang menyusahkan masyarakat tidak mendapat kedudukan sosial yang tinggi. Sebaliknya mereka dipandang keji dan hina oleh masyarakat,” kata pensyarah Antropologi Universiti Malaya Profesor Dr Hashim Awang dalam syarahan perdana bertajuk Berkatalah Bomoh Melayu... pada 2006.


Di sebalik pelbagai cerita tidak enak didendangkan, masih ada orang Melayu mendapatkan khidmat perubatan tradisional bagi mengubati penyakit - membuktikan peranan bomoh masih dipercayai.

Kajian Dr Hashim mendapati, bomoh yang sebenar mewarisi sains perubatan Alam Melayu yang sejak ratusan tahun lalu. Amalan perbomohan tidak terhad kepada bacaan jampi dan mantera semata-mata.

Bomoh selaku orang yang mengamalkan perubatan Alam



Pucuk jarak



Bonglai

## KATEGORI SAKIT KEPALA DAN PENGUBATAN

Kategori	Bahan-bahan	Cara berubat
Sakit yang menggit-gigit	Daun sirih hutan, jintan hitam, jintan putih, sendawa	Pipis lumat-lumat dan tempel pada kepala
Sakit kepala berdengung	Pucuk jarak, akar serai, jintan hitam	Mamah dengan sirih pinang, sembur pada kepala
Sakit kepala berdengung-dengung	Pucuk teja jantan, jintan hitam, bonglai	Giling lumat-lumat, tempel pada kepala
Sakit kepala	Limau mata kerbau, jintan putih, jintan hitam	Buang kulit limau, rebus, embun dan jaram
Sakit kepala sebelah	Isi buah keras tujuh biji, mata kunyit	Isi buah keras dipipis dengan mata kunyit, pupuk di dahi
Sakit kepala pening	Halba, Bonglai	Pipis lumat-lumat, tempel pada dahi
Sakit kepala ngilu	Sebijji pinang tua, halia batang, temu putih, beras	Giling semua lumat-lumat, tempel pada dahi
Sakit kepala yang menghentak-hentak	Sebijji kundur, sendawa	Kundur belah dua, digiling lumat, embun dan jaram

Sumber Syarahan Perdana Berkatalah Bomoh Melayu...

Melayu ada kemahiran merawat di samping mempunyai pengetahuan mengenai ubat daripada tumbuh-tumbuhan.

Ketika mengubat pesakit lazimnya bomoh akan membacakan doa penyembuh kesakitan. Doa itulah dianggap jampi yang memberi keyakinan kepada pesakit untuk bersikap lebih positif penyakitnya akan sembuh.

Ilmu perbomohan termasuk petua kesihatan Melayu, ramuan ubat herba akar kayu, amalan perubatan serta penjagaan kesihatan pesakit yang kemudiannya disusun dalam kitab-kitab perubatan Alam Melayu yang diwarisi turun-temurun.

Dalam syarahan, Dr Hashim menyifatkan ilmu itu sebagai khazanah mencerminkan ketamadunan dan pemikiran orang Melayu khususnya berkaitan penyakit, pengubatan dan kesihatan.

Menurutnya, terdapat lebih 30 kitab perubatan Alam Melayu yang disimpan dalam negara antaranya Kitab Tajul Muluk

karya Ismail Acheh dan Siraj Nur al-Zalam tulisan Syeikh Abbas Acheh. Ada juga kitab perubatan Melayu lain disimpan di perpustakaan atau muzium di luar negara.

“Melalui kitab-kitab tib (perubatan) Melayu, tersingkaplah masalah-masalah kesihatan yang dialami oleh orang Melayu pada

masa dahulu serta kaedah-kaedah yang digunakan untuk menghadapi dan menangani pelbagai persoalan yang membawa pelbagai penderitaan dan keperitan hidup,” kata beliau, yang telah bersara pada 2021.

Naskhah-naskhah itu antara lain membahaskan penyakit biasa dan pengubatannya; penyakit yang berpunca daripada sihir, hantu dan kuasa ghaib; berkaitan kebersihan, petua dan pantanglarang; pengubatan dan rawatan serta doa-doa al-Quran dan hadis, jampi serapah, tangkal, azimat serta penyakit bersabit dengan syahwat dan tenaga batin.

### Sains moden

Contohnya untuk sakit kepala, perubatan tradisional Melayu menggunakan antaranya buah kundur, pinang, halba, bonglai, buah keras, mata kunyit, jintan hitam, jintan putih, sirih dan pucuk jarak untuk menghilang sembilan jenis sakit kepala.

Sains dan teknologi moden mengesahkan kemujaraban minyak, air minuman atau majun yang dihasilkan oleh bomoh daripada akar kayu untuk mengubat pesakit.

Malah pelbagai produk kesihatan daripada perubatan Alam Melayu dihasilkan dan diniagakan secara meluas demi mendapat laba ekonomi.

“Orang Melayu yakin ada masalah-masalah tertentu dapat diselesaikan melalui perbomohan. Kita ambil contoh akar kayu. Orang Melayu cukup yakin dengan ubat jenis ini. Kajian saintifik pun membuktikannya,” katanya kepada Selangorkini pada 15 Ogos.

Pengenalan perubatan moden serta kecanggihan teknologinya



Pucuk teja jantan



Kundur

menjadikan pengaruh bomoh semakin terpinggir dalam kalangan masyarakat.

Perubahan itu menjadikan pengamal perubatan tradisional bukan lagi tunggak masyarakat meski khidmat mereka masih ditagih orang Melayu.

Dr Hashim berpandangan, perubatan tradisional tidak perlu bersaing dengan perubatan moden kerana sistem itu dipercayai lebih berupaya menangani penyakit seperti termasuk kencing manis, darah tinggi dan jantung.

Sebaliknya, pengamal perubatan tradisional harus menumpukan mutu perkhidmatan yang lebih berkesan misalnya perkhidmatan bomoh patah dan penghasilan ubat daripada ramuan akar kayu.

# Bumi ada dua bulan



*Penyelidik di Universiti Putra Malaysia,  
DR ZAMIR MOHYEDIN  
seorang ahli fizik yang menulis sembilan buku*

Ketika 7 Ogos yang lalu, saintis mengesan sebuah asteroid yang sedang menghala ke Bumi menggunakan teleskop Asteroid Terrestrial-impact Last Alert System (ATLAS) yang terletak di Afrika Selatan.

Asteroid ini dinamakan sebagai 2024 PT5. Namun, 2024 PT5 tidak akan menghantam Bumi. Ia cuma singgah berhampiran dengan Bumi.

Menariknya, persinggahan tersebut membuatkan 2024 PT5 ditarik oleh graviti Bumi, lalu menyebabkannya mengorbit Bumi. Kejadian ini dijangka akan terjadi pada 29 September 2024 dan ia akan mengorbit Bumi selama sekitar dua bulan sehingga 25 November 2024.

Fenomena ini menjadikan Bumi mempunyai bulan kedua atau bulan-mini untuk seketika. Selepas dua bulan, asteroid ini akan tertanggal daripada orbit Bumi dan berlalu pergi. 2024 PT5 tidak dapat kekal mengorbit Bumi kerana faktor kelajuan dan trajektorinya.

Tambahan lagi, asteroid ini juga susah untuk dilihat apabila ia mula mengorbit Bumi kerana saiznya terlalu kecil iaitu sekitar 10 meter.

Ia tidak dapat dilihat dengan mata kasar, maupun teleskop biasa. Cuma dapat

**“Kejadian ini dijangka akan terjadi pada 29 September 2024 dan ia akan mengorbit Bumi selama sekitar dua bulan sehingga 25 November 2024.**

**Fenomena ini menjadikan Bumi mempunyai bulan kedua atau bulan-mini**

dilihat menggunakan teleskop berteknologi tinggi. Setakat artikel ini ditulis, 2024 PT5 kini berada di sekitar 3 juta kilometer dari Bumi.

Kejadian bulan-mini amat nadir, tetapi bukanlah kali pertama. Bumi pernah mempunyai bulan-mini sebelum ini. Pada 2006, sebuah asteroid bersaiz sekitar 5 meter pernah mengorbit Bumi selama lebih setahun (13 bulan).

Pada 2015, sebuah jasad samawi kecil dinamakan WT1190F mengorbit Bumi setiap 23 hari sejak 2009. Kemudian, ia masuk ke atmosfera Bumi lalu terbakar.

Pada 2020, objek angkasa bersaiz sekitar satu meter yang dinamakan 2020 CD3 telah mengorbit Bumi sejak Mei 2018. Saintis menjangkakan 2020 CD3 akan menghampiri Bumi pada 2044 dan 2061.

## Orbit bumi

Namun, graviti Bumi mungkin tidak dapat menangkap 2020 CD3 pada masa akan datang kerana jaraknya terlalu jauh. Secara purata, jasad samawi yang mengorbit Bumi lalu menjadi bulan-mini tidak akan kekal mengorbit Bumi.

Sama ada ia tertanggal daripada orbit Bumi ataupun ia masuk ke atmosfera Bumi kerana orbitnya tidak stabil.

Mengikut kajian Frontiers in Astronomy and Space Sciences yang diterbitkan pada 2018, kebanyakan bulan-mini berasal daripada jaluran asteroid yang terletak di antara Marikh dan Musytari.

Asteroid-asteroid yang berada jaluran ini berkumpul dan membentuk jaluran mengelilingi Matahari. Terdapat sekitar 1.9 juta asteroid di jaluran tersebut.

Daripada 50,000 meteorit (meteor yang berjaya sampai ke permukaan Bumi), 99.8

peratus daripadanya dipercayai berasal daripada jaluran asteroid.

Selain daripada jaluran asteroid, terdapat objek-objek samawi yang berhampiran dengan Bumi tetapi ia bergerak mengelilingi Matahari seperti kumpulan asteroid Arjuna, Apollo, Amor, Aten dan Atira.

Asteroid daripada kumpulan Apollo pernah menghantam Bumi pada 2013 dan menyebabkan kecederaan pada 1,500 orang di Rusia. Saintis mengenal pasti asteroid 2024 PT5 berasal daripada kumpulan asteroid Arjuna.

Justeru, jasad-jasad samawi dari jaluran asteroid dan Kumpulan asteroid kadangkala ditangkap oleh graviti Bumi lalu mengorbit Bumi untuk seketika.


Kemudian, ia tertanggal daripada graviti Bumi dan melenceng ke tempat lain. Ada yang mengorbit Bumi lalu menghantam Bumi.

Ada yang terus menghantam Bumi secara langsung yang menyebabkan kita menemui banyak meteorit dan menyaksikan banyak meteor di langit.

Selain daripada bulan-mini, terdapat objek-objek samawi lain yang mengorbit Bumi iaitu awan Kordylewski atau dikenali sebagai bulan hantu. Awan Kordylewski terdiri daripada habuk-habuk angkasa yang berkongsi orbit dengan Bulan.

Awan Kordylewski ditemui pada 1960-an dan disahkan penemuannya pada 2018 oleh Royal Astronomy Society. Ia dinamakan bulan hantu kerana ia sangat sukar untuk dilihat dan kelihatan halimunan.

Daripada kejadian ini, dapatlah kita tahu bahawa banyak sebenarnya objek-objek angkasa yang berhampiran dengan Bumi, malah pernah mengorbit Bumi dan menghantam Bumi. Bumi tidak keseorangan dengan sekutul Bulan.



# Litar asah bakat

**BERANANG CIRCUIT**



Oleh ABDUL RAHIM SABRI  
Foto HAFIZ OTHMAN

Dek cinta terhadap sukan permotoran, Ketua Pegawai Eksekutif Horizon Beranang Circuit (HBC) Mohamad Yusaini Nowawi berazam mahu memiliki litar lumba sejak sembilan tahun lalu.

Hasratnya mahu menggilap bakat pelumba seawal umur empat tahun dengan adanya litar berkenaan, sekali gus mengukuhkan Selangor sebagai hab sukan permotoran di negara ini.

Berkecimpung dalam sukan berkennaan sejak 2015, impian Mohamad Yusaini tercapai apabila litar dicitacakan itu siap pada Mei di atas tanah sewa seluas 5.7 ekar milik Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Beliau sememangnya tidak menyangka akan menguruskan litar lumba persendirian, malah kejayaan itu diraikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam satu majlis perasmian pada 8 Ogos.

“Saya tidak terfikir boleh melangkah sejauh ini,” katanya, sambil menambah litarnya menyediakan pelbagai kemudahan untuk pelumba.

Bercakap kepada Selangorkini pada 18 September, Mohamad Yusaini memberitahu, litar itu yang terletak di Taman Perindustrian Mahkota, Hulu Langat boleh memuatkan 1,500 penonton pada satu-satu masa.

Idea Mohamad Yusaini mengadakan litar untuk mengasah bakat muda itu bermula daripada penubuhan pasukan pelumba sendiri sambil menjalankan sewa motosikal untuk menjana pendapatan.

Kemudian beliau menubuh syarikat Horizon Motorsport yang mengurus dan menganjurkan acara permotoran.

Setelah syarikatnya stabil dengan mencatat keuntungan, Mohamad Yusaini dan rakan kongsi Rozali Salleh membentangkan pula usul menujuhkan litar lumba kepada MPKj pada November 2022.

Ia kemudian diluluskan sebulan kemudian. Kerja-kerja pembinaan bermula Julai 2023 dan siap pada Februari 2024.

## Bangun bakat

Kemudahan pada litar itu termasuk sistem masa automatik Mylaps, lampu isyarat amaran LED PixelCom, liputan kamera tertutup, ruang parkir, platform untuk 200 penonton, ruang paddock, bilik solat, tandas dan kafe.

Litar sepanjang satu kilometer itu juga direka dengan pilihan sehingga 12 susunan laluan dengan 13 selekoh mengikut keperluan latihan serta jentera lumba.

Terdapat 10 tenaga pengajar yang terdiri daripada bekas-bekas pelumba berpengalaman bagi mengasah bakat anak muda berlumba secara profesional di litar itu.

Pembangunan bakat bermula umur empat tahun hingga 16 tahun dan kategori mengikut piawaian antarabangsa sebelum ke perlumbaan motosikal dan go-kart yang sebenar.

Bagi mengenalpasti bakat berlumba dalam kalangan kanak-kanak dan awal remaja, HBC akan menganjurkan Kejohanan Pocket Bike &



Sodi Kart OMR KBS sekitar Disember.

Modul latihan juga dirangka untuk bakal pelumba seawal umur empat tahun menerusi pengenalan kepada jentera seperti enjin dua lejang berkapasiti 40cc hingga 50cc serta cara pengendalian dan menunggang yang betul.

Kebiasaannya aktiviti tersebut dijalankan di litar sementara yang direka khas di kawasan lapang atau kawasan tempat letak kereta.

Pendedahan melalui perlumbaan motosikal sebenar pula mengikut kategori berdasarkan umur seperti permulaan (rookie) bawah 10 tahun, novice (bawah 13 tahun), expert (bawah 17 tahun) atau master berusia 18 tahun ke atas.

Manakala tiga kategori bagi acara go-kart pula melibatkan junior bagi umur 12-15 tahun, expert (16-21 tahun) dan master 21 tahun ke atas.

Mohamad Yusaini yakin bintang muda sukan permotoran mampu dilahirkan di litar itu dalam tempoh 10 tahun melalui pendedahan dunia permotoran pada peringkat akar umbi.

“Kita kena ada ekosistem daripada awal peringkat akar umbi. Kalau tak ada ekosistem, apabila mereka dididik oleh rakan sekampung, itu yang jadi mat rempit.

“Kita nak lahirkan satu bintang dari Beranang atau kalau boleh dari Selangor. Ada seseorang yang berbakat, kita nak jadikan kenyataan. Kita tak tahu 10 tahun lagi, dia jadi juara dunia, dari kecil lagi dia berlatih di Beranang, Selangor,” katanya.



**PRIHATIN...** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyapa mangsa banjir Roshayati Saad yang memangku cucunya Nur Raisha Mikayla berusia 38 hari, ketika melawat di pusat pemindahan sementara Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah, Alor Setar pada 21 September. Foto BERNAMA

82 peratus kawasan berpenduduk dapat 5G

# RM185.3 billion pelaburan digital

**SHAH ALAM** - Pelaburan digital RM185.3 bilion diluluskan antara 2021 hingga Jun 2024 termasuk projek syarikat terkemuka dunia iaitu Nvidia dan Amazon Web Services (AWS), kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara pada 20 September, beliau memberitahu usaha menarik pelaburan dalam bidang itu diselaras Pejabat Pelaburan Digital.

"Saya terus dimaklumkan kemajuan dan pelaporan terkini bagi pelaksanaan Fasa 2 Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) dan Dasar 4IR Negara (D4IRN) yang menunjukkan

perkembangan positif.

"Antaranya termasuk 21 daripada 25 projek digital kerajaan, yang disaraskan untuk dicapai sehingga 2025, telah diintegrasikan dengan teknologi revolusi industri keempat (4IR)," kata menteri kewangan itu di laman X.

Anwar juga menjelaskan mesyuarat tersebut juga mengambil maklum 82 peratus kawasan berpenduduk di negara ini menerima liputan 5G, antara rangkaian internet terpantas di dunia.

Beliau menambah terdapat keperluan untuk memperluas lagi perkhidmatan itu ke seluruh negara dengan keutamaan diberi kepada kawasan perindustrian, perkhidmatan kritis, sektor dan institusi pengajian tinggi awam.

## 139 memorandum sektor pertanian

**SERDANG** - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang melabuhkan tirai selepas 12 hari penganjuran mencatat nilai jualan langsung lebih RM41 juta.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata MAHA 2024 turut menyaksikan 139 memorandum persefahaman dan memorandum perjanjian bernilai RM7.2 bilion ditandatangani.

"Selain itu, Agrobank juga merekod

potensi pembiayaan dan padanan perniagaan berjumlah RM1.38 bilion," katanya ketika berucap dalam majlis penutupan MAHA 2024 di sini hari ini.

Beliau berkata MAHA ke-100 tahun sejak 11 September itu mencatat kehadiran lima juta pengunjung setakat 22 September sekali gus melebihi sasaran awal iaitu tiga juta orang.

"Lebih 9,500 pelawat dan 150 pamer dari seluruh dunia direkod dalam penganjuran kali ini," katanya.

Sementara itu, perdana menteri memberi jaminan Belanjawan 2025 yang dijadual dibentang pada 18 Oktober memberi penekanan terhadap usaha menangani isu kenaikan harga barang dan kos sara hidup tinggi.

"Masih ada perkara belum selesai iaitu kos sara hidup. Sebab itu belanjawan madani akan selesaikan harga barang dan kos sara hidup," katanya ketika berucap di Himpunan Suara Rakyat Suara Keramat keesokannya.

Beliau mengakui masalah tersebut antara beberapa perkara yang belum dapat diselesaikan sepenuhnya sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih pentadbiran meski suasana politik semakin stabil dan ekonomi kian kukuh.

Menjelaskan jualan anak benih, anak pokok dan haiwan ternakan meningkat, Mohamad percaya minat rakyat terhadap sektor tani kian berkembang di samping peningkatan kesedaran terhadap kepentingan jaminan bekalan makanan.

Beliau juga memberitahu tiga persidangan bawah platform MAHA diadakan iaitu Kongres Jaminan Bekalan Makanan Asia, Persidangan Eksport Perdagangan serta Konvensyen Himpunan dan Deklarasi Usahawan Agro Madani 2024.

## Imbau perjuangan 26 tahun lalu

**KUALA LUMPUR** - Laungan reformasi ribuan penyokong Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) sempena Himpunan Keadilan Suara Rakyat Suara Keramat bergema di Stadium Axiata Bukit Jalil di sini pada malam 20 September.

Himpunan bersempena t tanggal peringatan Datuk Seri Anwar Ibrahim bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 26 tahun lalu disertai pemimpin utama yang mengimbau perjuangan getir sepanjang Gerakan Reformasi sejak 1998.

Tarikh tersebut dianggap detik hitam sejarah negara apabila Anwar ditahan di kediamannya di Bukit Damansara sebelum dipukul dalam lokap seterusnya mencetus gelombang kebangkitan rakyat.

Mereka antaranya Naib Presiden KEADILAN Dato' Seri Amirudin Shari, Setiausaha Agung Fuziah Salleh dan Ketua Penerangan Fahmi Fadzil dan Setiausaha Politik Perdana Menteri Dato' Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin.

## Tokoh pemikir Islam rektor UIAM

**SHAH ALAM** - Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar dilantik sebagai Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang ketujuh untuk tempoh dua tahun mulai 23 September tahun ini.

Tokoh pemikir Islam tersohor di tanah air itu memiliki reputasi kepimpinan dan kesarjanaan dalam bidang falsafah dan ketamadunan Islam yang diiktiraf pada peringkat kebangsaan.

Dr Osman, penyandang Kursi Al-Ghazali di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa UIAM, juga dinamakan sebagai antara 500 orang Islam paling berpengaruh di dunia pada 2009, lapor Bernama.

Beliau pemegang ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana dalam bidang matematik dari University of London, United Kingdom dan ijazah kedoktoran dalam bidang falsafah Islam dari University of Temple, Amerika Syarikat.

## Peralihan monsun berisiko banjir kilat

**SHAH ALAM** - Fasa peralihan monsun dijangka bermula pada 24 September sehingga awal November depan, menandakan berakhirnya Monsun Barat Daya sejak 17 Mei.

Negara diramal menerima tiupan angin lemah daripada pelbagai arah sepanjang fasa berkenaan, lapor Bernama.

Situasi tersebut boleh menyebabkan ribut petir dan lazimnya hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka singkat terutama pada petang dan awal malam.

Keadaan cuaca itu berpotensi menyebabkan banjir kilat, pokok tumbang serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.

## Kementerian kekal mansuh UPSR, PT3

**SHAH ALAM** - Kementerian Pendidikan tidak bercadang mengembalikan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) sebaliknya kekal dengan keputusan memansuhkan kedua-dua peperiksaan itu.

Menurut Menterinya Fadhlina Sidek, pihaknya membuat pelbagai penegasan untuk meneguhkan pentaksiran bilik darjah dan latihan untuk guru bagi memastikan tiada apa-apa yang menjelaskan kemajuan murid, lapor Bernama.

"Anak-anak kita bukan tikus makmal, sekejap ada peperiksaan sekejap tidak ada," katanya ketika ditemui selepas perhimpunan bulanan warga kementerian tersebut di Putrajaya pada 23 September.

Beliau mengulas desakan beberapa pihak untuk mengembalikan UPSR dan PT3 yang dimansuh pada 2022 dan mendakwa ketidaaan peperiksaan itu menyumbang kepada kecinciran pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

## Dana angkat muzik tempatan

**SHAH ALAM** - Sebanyak 13 syarikat produksi muzik menerima Dana Kandungan Kreatif (DKK) Industri Muzik (Dana Pemasaran dan Promosi Antarabangsa) keseluruhan berjumlah RM549,000.

Syarikat berkenaan antaranya Ramayan Musik dengan persembahan Ramayan: Asian Tour 2024 (Jepun dan Taiwan) dan Pusat Budaya Pusaka Sdn Bhd dengan persembahan Main Puteri di Festival De L'imaginaire, Paris.

Menurut Kumpulan MyCreative Ventures (MyCV), lima syarikat telah menerima dana tersebut yang disampaikan Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil dalam majlis perhimpunan Kementerian Komunikasi di Putrajaya pada 20 September.

"Kementerian Komunikasi melalui MyCV sentiasa menyokong kebolehan dan bakat tempatan dalam mengangkat muzik tempatan ke persada antarabangsa," menurut kenyataan seperti dilapor Bernama.

## LHDN terima 34 juta e-Invois

**SHAH ALAM** - Lebih 34 juta e-Invois diterima Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) daripada pembayar cukai sejak sistem itu mula dijalankan pada 1 Ogos, kata penolong pengarah Bahagian E-Invois Jabatan Operasi Cukainya.

Jaffar Tukiran memberitahu sambutan tersebut suatu perkembangan positif berikutan ia mencerminkan pembayar cukai patuh terhadap pelaksanaan e-Invois, lapor Bernama.

"Jumlah tersebut meliputi pembayar cukai fasa pertama, kedua, ketiga. Maksudnya ada yang melaksanakannya awal sebelum fasa mereka," katanya pada 24 September.

# Dana baiki kerosakan bah di Kedah

**SHAH ALAM** - Dana RM13 juta disediakan untuk bantuan kepada mangsa, menjalankan kerja pembersihan dan membaik pulih prasarana yang rosak akibat bencana banjir di Kedah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata keseluruhan negeri itu menerima peruntukan RM10 juta bagi memastikan semua kerosakan dan ganti rugi yang munasabah selepas banjir manakala daerah Kota Setar diperuntuk RM3 juta, lapor Bernama.

Katanya, kerajaan menyalur sumbangan RM1,000 melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan RM1,000 lagi melalui Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) kepada setiap ketua isi rumah (KIR) yang terjejas.

"Bantuan terus untuk mangsa banjir kita sudah mula disampaikan dan saya dengar Menteri Besar (Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor) sebut daripada kerajaan negeri pun ada bantuan.

"Tapi yang pentingnya ialah jika ada

kerosakan, kerugian binatang ternakan, hasil tanaman yang kita harus teliti dan kita harus cuba ringankan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir ini," katanya.

Meninjau pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah di Alor Setar pada 21 September, Anwar turut mengarahkan projek tebatan banjir di negeri tersebut dipantau supaya tidak berlaku kelewatan.

Terdahulu, beliau melawat PPS di Stadium Sultan Abdul Halim dan meluangkan masa kira-kira setengah jam di situ sebelum mengakhiri lawatan di PPS Sekolah Kebangsaan Titi Gajah.

Anwar juga menyatakan rasa puas hati dengan pengurusan banjir di Kedah dan merakam penghargaan kepada semua jentera agensi serta jabatan kerajaan, baik peringkat persekutuan maupun negeri.

"Saya harap mereka (mangsa banjir) sabar, makanan (di PPS) secara umumnya disediakan dengan baik, empat kali sehari, jadi untuk sementara keadaan ter-

kawal," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohammad Sabu berkata seluas 5,822.59 hektar tanaman padi terjejas akibat banjir, dengan kerugian dianggar mencecah RM32 juta di negeri-negeri utara.

Beliau memberitahu bantuan akan disalur melalui Tabung Bencana Tanaman Padi bagi tanaman padi dan Tabung Bencana Pertanian untuk agromakanan lain bagi membantu petani, penternak dan nelayan yang terkesan.

"Selain bantuan tersebut, AgroBank turut mengumumkan tawaran moratorium kepada para pelanggannya yang terjejas akibat banjir yang berlaku sekarang ini.

"Petani, penternak, nelayan dan usahawan yang terlibat boleh memohon untuk mendapatkan kemudahan ini di cawangan AgroBank yang terdekat," katanya dalam kenyataan pada 21 September.

## Belajar dulu, bayar yuran kemudian

# Tiada pelajar B40 cicir pendidikan

**SHAH ALAM** - Kementerian Pendidikan Tinggi memberi jaminan tiada pelajar dari kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40) tercicir daripada pendidikan hanya kerana masalah yuran pendaftaran.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud menjelaskan langkah berkenaan bagi memudahkan proses kemasukan pelajar terutama bagi mereka yang menghadapi masalah kewangan, lapor Bernama.

Katanya, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diarah menerima pendaftaran pelajar ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) bagi kemaskuhan Oktober ini terlebih dahulu dan isu yuran diselesaikan kemudian.

"Kita tidak mahu mana-mana golongan terutama B40 tercicir akses pendidikan hanya kerana isu yuran," katanya pada 19 September selepas program Kepimpinan Muda Kebangsaan Karisma: Pemikir Madani di Putrajaya pada 19 September.

Mustapha juga memberitahu wang pendahuluan pinjaman RM1,500 disediakan kepada pelajar yang memohon pinjaman PTPTN sebelum mereka mendaftar di IPTA dan politeknik.

"Jadi, kepada mereka yang tidak tahu atau masih mengalami kesulitan untuk mendaftar, jangan risau. Menteri telah memberi jaminan bahawa pelajar boleh mendaftar dahulu dan hal berkaitan yuran akan diuruskan kemudian."

"Kita juga berharap universiti maklum hal ini dan pastikan tiada pelajar tercicir hanya kerana masalah pendaftaran. Kita tidak mahu pelajar terhalang dari melanjutkan pelajaran mereka hanya kerana isu ini," katanya.

Terdahulu, Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Zamby Abdul Kadir berkata pengurusan universiti awam perlu menerima pelajar kurang berkemampuan yang mendapat tawaran termasuk menangguhkan bayaran yuran pendaftaran.

Beliau juga meminta agar universiti menguruskan bantuan awal pengajian menerusi PTPTN kepada mahasiswa yang kurang berkemampuan.

## 50 peratus eksport lada ke Jepun

**SHAH ALAM** - Eksport lada meningkat kepada RM86.4 juta antara Januari sehingga Julai tahun ini berbanding RM80.2 juta bagi tempoh sama tahun lalu, kata Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi Datuk Chan Foong Hin.

Beliau menjelaskan kira-kira 50 peratus daripadanya dieksport ke Jepun yang menjadi pasaran tradisional berikut lada keluaran negara memiliki kepedasan berlainan berbanding lada negara lain, lapor Bernama.

Menjelaskan lagi, China, Korea Selatan dan Sweden juga antara pengimpor, beliau menambah nilai perdagangan lada ke Singapura naik kepada RM8.2 juta bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini berbanding RM5.86 juta pada 2023.

Foong Hin menyatakan Singapura turut menjadi rakan dagang penting bagi sektor lada negara dan berpotensi besar untuk dikembangkan berdasarkan faktor hubungan perdagangan, geografi

dan hubungan ekonomi.

Beliau juga memberitahu tanaman lada di seluruh negara meningkat daripada 8,172 hektar tahun lepas kepada 8,215 hektar tahun ini.

"Jumlah pekebun turut meningkat kepada 39,137 daripada 38,986 tahun sebelumnya yang menunjukkan industri lada terus berkembang pesat melalui usaha berterusan yang dijayakan kerajaan melalui Lembaga Lada Malaysia," katanya.



Penguat kuasa MPS menyita salah satu premis GISBH di Bandar Country Homes, Rawang pada 21 September. Beberapa struktur yang didirikan secara tidak sah turut diroboh dalam operasi bersama polis. Foto Facebook Majlis Perbandaran Selayang

Pantau prestasi 12 PBT

# Khidmat terbaik kepada rakyat

Oleh SOFIA NASIR

**SHAH ALAM** - Selangor memantau prestasi semua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat memenuhi sistem penarafan baharu yang ditetapkan pada peringkat persekutuan.

EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim berkata sistem penarafan berdasarkan 'lampaui syarat' yang diperkenal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dijangka memberi dampak terhadap semua negeri.

"Kita menyambut baik hasrat KP KT untuk perkenal sistem penarafan 'lampaui syarat' ini. Di Selangor, kita meng-

gunakan sistem petunjuk prestasi utama (KPI) untuk menilai prestasi 12 PBT.

"Selepas ini, kita akan pantau secara dekat operasi perkhidmatan setiap PBT kerana prestasi mereka turut melibatkan imej Kerajaan Negeri," katanya pada 19 September.

Beliau menambah sistem penarafan tersebut diyakini berupaya mewujudkan persaingan sihat antara PBT sekali gus meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat.

Malah katanya, rakyat di seluruh negara juga berupaya memantau prestasi PBT di kawasan masing-masing dengan lebih mudah susulan pelarasannya yang ditetapkan kerajaan.

"Sistem lampu isyarat ini membantu penduduk untuk memantau PBT khu-

susnya di Selangor dan mereka juga akan menjalankan tugas dengan lebih cekap dalam melaksanakan tanggungjawab," katanya.

Pada 16 September, menteri KP KT memaklumkan penarafan berdasarkan 'lampaui syarat' dilaksana bagi menilai khidmat semua 156 PBT di seluruh negara mulai tahun depan.

Menurut Nga Kor Ming, PBT berprestasi kerja tinggi akan dilabel sebagai lampu hijau dan layak menerima pembiayaan tambahan, lampu kuning diberi amaran dengan peruntukan terakluk kepada semakan.

Bagi kategori lampu merah, agensi mungkin menghadapi potongan pembiayaan dan permohonan kewangan pada masa depan mungkin ditolak.

## Kutip RM7 juta tunggakan cukai

**GOMBAK** - Sebanyak RM7.7 juta tunggakan cukai taksiran dikutip Majlis Perbandaran Selayang (MPS) daripada keseluruhan RM10.68 juta setakat 31 Ogos, kata Yang Dipertua Shahman Jalaludin.

Beliau memberitahu MPS turut memproses notis cukai taksiran (Boorang E) 69,966 akaun tertunggak selepas tempoh bayaran penggal kedua tamat pada 31 Ogos.

"Semua akaun yang diproses notis cukai taksiran ini turut dikenakan caj

lewati RM20. Notis ini akan tamat pada 30 September.

"Tindakan waran tahanan dengan caj RM100 akan dikenakan kepada akaun tertunggak setelah tamat notis," katanya dalam mesyuarat bulanan di ibu pejabatnya pada 23 September.

Shahman menjelaskan pihaknya mengutip RM55.31 juta cukai taksiran penggal pertama bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Julai.

Menyasar kutipan keseluruhan RM117 juta tahun ini, sebanyak

RM35.91 juta diraih bagi tempoh awal penggal kedua sehingga 31 Ogos.

Tambahnya, usaha naik taraf portal MYMPS sebelum ini turut menunjukkan perkembangan positif apabila berjaya merekod hasil RM547,409.78.

"Kutipan terbanyak hasil dari sewa kedai RM290,536 diikuti cagar (RM93,512.62), lesen perniagaan (RM82,390.16), kompaun (RM42,275), permit bangunan dan perancang (RM24,589), cagar (RM5,880) dan pelan (RM905)," katanya.

## MPS sita premis operasi tanpa lesen

**GOMBAK** - Sebanyak sembilan premis perniagaan GISBH Holdings (GISBH) yang beroperasi tanpa lesen disita dalam serbuan di Bandar Country Homes, Rawang pada 21 September.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Shahman Jalaludin memberitahu pihaknya giat menjalankan tindakan penguatkuasaan berterusan bagi mengesan premis yang didapati tidak memiliki lesen perniagaan.

"Tindakan MPS menyita sembilan premis yang dimiliki GISBH tidak mempunyai lesen selain meroboh beberapa struktur binaan haram."

"Premis yang disita menjalani perniagaan kedai makan dan dobi. Sebanyak 17 premis yang ada lesen niaga dikesan beroperasi di Rawang dan Bandar Baru Selayang namun semuanya didapati kosong," katanya.

## Daftar program usahawan digital

**SHAH ALAM** - Peniaga sekitar Hulu Selangor yang berhasrat mendigitalkan perniagaan dipelawa menyertai program pembangunan Usahawan Platform Selangor (U-PLATS) pada 3 Oktober.

Menurut kenyataan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), program bimbingan percuma terhad kepada 30 peserta di Dewan Orang Ramai Serendah mulai 9.30 pagi hingga 2.30 petang.

MPHS menjelaskan peniaga yang berminat untuk mendigitalkan perniagaan tetapi tidak tahu bagaimana untuk bermula boleh berdaftar sebagai peserta U-PLATS menerusi forms.gle/XDQALZ7dmkmetF7v7 sebelum 30 September.

Penganjuran bersama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dengan kerjasama Selangor Youth Community menetapkan peserta mestilah berdaftar dengan PLATS.

## OKU penglihatan lakin rekod MBOR

**SHAH ALAM** - Kekurangan fizikal tidak menghalang 35 orang kurang upaya (OKU) penglihatan melakar sejarah dalam Malaysia Book of Records (MBOR) selepas menyertai sukan luncur layar (paragliding) di Kuala Kubu Bharu.

Menurut Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), program sempena Hari Malaysia pada 15 September itu bertujuan menonjolkan potensi OKU dalam kegiatan sukan lasak.

"Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) mengambil peluang menunjukkan potensi komuniti OKU penglihatan dengan terlibat dalam sukan udara ekstrim."

"Ucapan tahniah dan syabas kepada peserta atas keberanian dan semangat anda. Ini membuktikan bahawa kekurangan bukanlah penghalang untuk mencapai sesuatu matlamat," kata kenyataan di Facebook.

## Top Glove terima lesen pelepasan sifar

**KLANG** - Top Glove Sdn Bhd (Top Glove) menjadi syarikat industri pertama di Selangor menerima lesen Dasar Pelepasan Sifar (ZDP), yang diwartakan Kerajaan Negeri pada 20 Jun.

EXCO alam sekitar berkata langkah proaktif Top Glove mengurus dan mengawal selia kuantiti serta kualiti sumber air wajar dicontohi semua pemain industri demi menjaga alam sekitar.

"Selangor negeri pertama memperkenal polisi ini bagi mencegah pencemaran sungai dan sumber air untuk mengurangkan beban berikutan ada kawalan kuantiti dan kualiti," kata Jamaliah Jamaluddin.

Beliau menyerahkan lesen kepada Pengarah Urusan Top Glove Lim Cheong Guan di Rumah Pam Loji Rawatan Air Top Glove di Meru di sini pada 20 September.

Menurutnya, polisi itu turut menarik minat negeri lain seperti Pulau Pinang, yang akan mengadakan lawatan rasmi bagi mendapatkan maklumat lanjut inisiatif tersebut.

## Rai anak yatim cuti sekolah

**SHAH ALAM** - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) meraikan 40 anak yatim dengan menaiki kapal pelayaran di Tasik Putrajaya dan lawatan ke Kompleks Nasryul Quran, baru-baru ini.

Bahagian Korporat Yide dalam kenyataan menyebut lawatan sempena cuti sekolah dan kempen Bulan Anak Yatim membolehkan mereka mengisi waktu dengan aktiviti bermanfaat.

Menurut yayasan itu, mereka turut berselawat sepanjang menaiki kapal pelayaran dan diterangkan mengenai binaan bangunan bercirikan Islamik serta usaha pemeliharaan al-Quran.

"Perkara ini amat penting sebagai suatu pendedahan mengenai kepentingan memelihara dan beramal dengan al-Quran khususnya bagi seorang muslim," kata Yide pada 20 September.

Dalam lawatan itu, Pengurus Besar YIDE Nur Mohd Razali Abdullah turut menyerahkan sumbangan kepada anak yatim, sambil disaksikan Pengurus Besar Yayasan Restu Mohd Fadli Ismail.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

BIL.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000019800	REPLACEMENT AND UPGRADING OF LOW VOLTAGE MOTOR CONTROL CENTRE (MCC) PANEL FOR RAW WATER PUMPING STATION (RWPS) AND GENERATOR ROOM, CABLING WORKS AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SG. SELANGOR PHASE 2 INTAKE
2.	TBA	DESIGN & BUILD FOR PROPOSED TRENCHLESS PIPELINE REHABILITATION AT KAMPUNG TELUK RHU, SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>

## Kerjasama perkasa penyelidikan

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (Unisel) mengorak langkah meluaskan jaringan antarabangsa dengan pelbagai universiti di seluruh negara seterusnya memperkasakan lagi sektor akademik, penyelidikan dan pemasaran.

Canselor Raja Tan Sri Arshad Alhaj Raja Tun Uda Alhaj berkata kerjasama itu meliputi universiti di Turkiye, China, Oman, Indonesia, Bangladesh, Thailand dan negara Afrika Timur seperti Kenya, Tanzania dan Uganda.

"Kerjasama yang dimeterai terma-

suk pertukaran pelajar dan kakitangan, penyelidikan, seminar antarabangsa dan sebagainya," katanya ketika merasmikan istiadat Konvoesyen Unisel ke-18 di Campus Bestari Jaya di sini pada 21 September.

Beliau turut menyerahkan penghargaan terhadap komitmen Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang cakna dengan kemudahan di Unisel.

"Walaupun Unisel institusi pe-

ngajian tinggi swasta, komitmen perdana menteri dan Dato' Menteri Besar membolehkan kemudahan universiti ini sentiasa dipertingkat dari semasa ke semasa.

"Ini termasuklah menaik taraf bilik pengajaran yang lebih kondusif, kafe yang selesa dan kemudahan sukan seperti padang bola sepak sintetik bertaraf antarabangsa," katanya.

Seramai 2,555 graduan dirai sempena konvokesyen dengan 1,138 lepasan peringkat ijazah sarjana muda diikuti diploma (965), tahun asas (394), ijazah sarjana (31) dan kedoktoran (27).



### Faedah pelindungan hingga RM25,000

## Sedia sumbangan khairat kematian

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

**SHAH ALAM** - Pemberian Insentif Haji Muassasah untuk jemaah negeri ini akan ditambah baik bagi meringankan beban kewangan mereka, kata Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Menurut Ketua Yayasan Ahmad Azri Zainal Nor, ia termasuk menyediakan bantuan khairat kematian, dengan faedah perlindungan sehingga RM25,000 jika jemaah meninggal dunia di tanah suci.

"Mengikut rekod Tabung Haji (TH), pelan langganan tahunan untuk khairat

kematian antara RM12 hingga RM24 buat jemaah di Selangor. Sebelum ini, kita sediakan kit dalam bentuk ubat-ubatan.

"Saya fikir menarik untuk memberi nilai tambah bantuan sedia ada melalui khairat kematian, yang akan memanfaatkan waris jika ada jemaah haji meninggal dunia di tanah suci," katanya baru-baru ini.

Beliau juga menjelaskan Yayasan MBI akan segera bekerjasama dengan TH Selangor untuk menangani isu agihan insentif muassasah bagi memastikan bantuan diterima tepat pada masanya.

Ahmad Azri mengakui adakalanya



## Lebih 14,000 nikmati insentif haji

**SHAH ALAM** - Lebih 14,000 jemaah di Selangor menerima manfaat Insentif Haji Muassasah sejak 2018 melibatkan peruntukan keseluruhan RM15 juta, kata ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Menurut Ahmad Azri Zainal Nor lagi, nilai insentif juga dinaikkan kepada RM1,000 tahun ini yang memanfaat sejumlah 6,000 jemaah sekali gus menjadi bukti komitmen negeri mengangkat nilai Islam.

"Tahun sebelum ini jumlah peruntukan insentif berjumlah RM1.5 juta. Seramai 3,000 jemaah terima manfaat. Setiap jemaah menerima RM500."

"Tahun ini insentif dinaikkan ke RM1,000 dengan 6,000 kuota disediakan. Yayasan MBI peruntukan RM3 juta manakala Kerajaan Negeri menambah RM3 juta menjadikan keseluruhan peruntukan RM6 juta," katanya baru-baru ini.

Pada masa sama, beliau menjelaskan sebanyak 4,606 permohonan tahun ini sedang disaring sejak ditutup 23 Ogos.

"Tahun ini jumlah permohonan paling tinggi. Sebelum ini, insentif diberi mengikut konsep siapa cepat dia dapat. Kali ini insentif diberi kepada semua jemaah berdaftar di Tabung Haji. Ada

agihan mengambil masa, iaitu selepas jemaah pulang dari tanah suci berikut mereka menerima tawaran lebih lewat dan ia memerlukan proses tambahan kuota.

"Ia memerlukan proses tambahan kuota dan surat tawaran, jadi, kita akan bincang dengan TH Selangor untuk atasi perkara ini. Cadangan awal salurkan terus ke akaun jemaah," jelasnya.

Selangor memperuntuk RM6 juta bagi inisiatif itu tahun ini, meningkat tiga kali ganda berbanding 2023. Turut dibelanjakan RM1.2 juta bagi membiayai kos 36 jemaah menunaikan haji secara percuma.

Insentif jemaah turut dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000, selain menerima kit penjagaan diri.

5,100 jemaah muassasah di Selangor.

"Baki kuota mengikut permohonan melalui pejabat Dewan Undangan Negeri di kawasan masing-masing," katanya lagi.

Selain itu, MBI mempertimbangkaedah digital bagi menyalur bantuan insentif haji.

"Antara langkah awal Yayasan MBI bekerjasama dengan Tabung Haji (TH) Selangor menggantikan kaedah sedia ada iaitu serahan melalui program dan majlis di pusat khidmat Dewan Undangan Negeri masing-masing.

"TH Selangor akan membekalkan kad debit untuk membolehkan jemaah dapat duit lebih cepat dan mereka melakukan sebarang pembelian dengan mudah ketika di Tanah Suci," katanya.



**TENANG...** Beregu profesional lelaki negara Nur Izzuddin Rumsani-Goh Sze Fei menjuarai Terbuka China menewaskan wakil tuan rumah He Ji Ting-Ren Xiang Yu 13-21, 21-12, 21-17 di Changzhou pada 22 September. Mereka muncul regu pertama Malaysia memenangi Jelajah Dunia BWF Super 1000. Foto Laman X Badminton Updates

Kontinjen renang cemerlang

# Hampir capai sasaran 29 emas

Oleh AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Selangor yang menduduki tiga teratas mengumpul 20 emas, 30 perak dan 26 gangsa hampir mencapai sasaran 29 pingat emas Para Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak pada 25 September.

Kontinjen renang penyumbang utama emas melalui kutipan sembilan pingat diikuti olahraga (tujuh) tenpin boling (tiga) dan satu ping pong.

Natalie Bianca menyumbang emas pertama Selangor menerusi acara 100

meter (m) gaya kuak dada wanita SB4-SB6 pada 23 September.

Kecemerlangan beliau menyuntik semangat Muhammad Safwan Suhaimi yang meraih tiga lagi emas dalam acara 100m gaya kuak lentang S9, 200m ram-paian individu SM9/SM10 dan 50m gaya bebas S9.

Tiga lagi atlet yang menyumbang dua emas dari gelanggang akuatik ialah Ainun Hanifah Yulizarina Affendi, Muhammad Zhafri Adam Mohd Azmi dan Nik Muhammad Joe Asyraff Nik Farizal.

Dalam acara balapan, dua atlet negeri

Ikmal Fathillah Abu Arqam dan Muhammad Noorhelmie Mohd Rabi merangkul tiga pingat itu lagi diikuti lontaran bertenaga Muhammad Amirul Alif Abdul Raof.

Selaras empat hari kejohanan bermula 22 September, kontinjen tenpin boling meraih empat emas dan satu ping pong sumbangan Mohd Syazreel Amri Mohd Ariffin.

Selangor yang bersaing dalam 10 acara teknikal memperbaiki pencapaian keempat keseluruhan mengumpul 28 emas, 26 perak dan 24 gangsa dalam edisi dua tahun lalu di Kuala Lumpur.

## Sze Fei-Nur Izzuddin kelapan dunia

**SHAH ALAM** - Perseorangan lelaki profesional negara Lee Zii Jia di kedudukan kelima dunia selepas tersingkir seawal pusingan pertama dalam Terbuka China pada 17 September.

Berdasarkan kemas kini terbaharu dikeluarkan Persekutuan Badminton Dunia (BWF) pada 24 September, Zii Jia yang sebelum ini ketiga dunia dipintas pemain Denmark Anders Antonsen dan pemain Jepun Kodai Naraoka.

Selain tersingkir di pusingan pertama Terbuka Jepun, pemenang gangsa Sukan Olimpik Paris 2024 tewas

mudah di tangan pemain Jepun Koki Watanabe 15-21, 2-21 di Changzhou.

Atlet China Shi Yuqi kekal sebagai pemain nombor satu dunia diikuti bintang Denmark dan pemenang pingat emas Olimpik Viktor Axelsen kedua.

Beregu lelaki profesional negara Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani mengisi kelompok 10 regu terbaik dunia berikutan kejayaan menjuarai Super 1000 Terbuka China.

Pasangan itu mengisi kedudukan kelapan dunia, peningkatan empat anak tangga berbanding tangga ke-12 seawal ini.

Regu lelaki utama negara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang masih belum beraksi di kejohanan Jelajah Dunia selepas meraih gangsa di Paris susulan kecederaan Wooi Yik menghuni kedudukan kelima.

Turut menyertai kelompok 10 terbaik dunia beregu campuran profesional negara Goh Soon Huat-Shevon Lai yang meningkat dua anak tangga di tangga ke-10 selepas muncul naib juara Terbuka China.

Sementara itu, beregu wanita utama negara Pearly Tan-M Thinaah kekal di tangga kelapan.

## Wooi Yik disahkan pulih sepenuhnya

**SHAH ALAM** - Kecederaan retak tulang ibu jari kaki kanan yang dialami Soh Wooi Yik disahkan pulih sepenuhnya dan beliau kembali menjalani latihan seperti biasa, kata pengarah kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia.

Perkembangan positif itu diumum Rexy Mainaky sekali gus mengembalikan peluang pasangan Aaron Chia itu beraksi dalam Kejohanan Badminton Jelajah Dunia Akhir 2024, lapor Berita Harian.

"Apa yang dibuat ketika ini adalah untuk memastikan dia bersedia dan mengembalikan tahap kecergasannya sebelum menyertai kejohanan," katanya pada 24 September.

Rexy berkata regu utama negara itu mungkin akan beraksi semula dalam Korea Masters pada bulan depan dan mereka perlu menang dalam kejohanan berstatus Super 500.

## Selangor FC sasar ke akhir Piala Malaysia

**SHAH ALAM** - Selangor FC membawa kelebihan dua gol menjelang separuh akhir kedua Piala Futsal Malaysia (MFC) menewaskan Pahang Rangers 5-3 pada 22 September.

Dalam aksi pertama di Stadium Tertutup Sukpa, Kuantan, pasukan pelawat mendaului seawal minit pertama menerusi Well Pereira diikuti gol kedua Gabriel Rosa lapan minit kemudian.

Pahang Rangers bangkit dengan tiga gol dalam tempoh 10 minit untuk mendaului 3-2 seawal dua jaringan Syahir Iqbal Khan Akbar Khan dan satu gol Syed Aizad Daniel Syed Nasir memastikan Selangor FC menang 5-3.

Johor Darul Ta'zim turut berkelebihan dalam aksi kedua di laman sendiri pada 28 September selepas membelas KL City FC 4-0.

## Perlu menang baki dua perlawanan

**SHAH ALAM** - Skuad Harimau Malaya Bawah-20 (B-20) perlu menewaskan Tajikistan pada 27 September bagi mengukuhkan kedudukan untuk layak ke Piala Asia B-20 2025.

Mengutip empat mata dalam kumpulan E, kejayaan menewaskan Oman 2-1 pada perlawanan pembukaan diikuti keputusan seri tanpa jaringan bertemu Korea Utara membolehkan Malaysia menduduki tempat kedua.

Tajikistan yang beraksi satu perlawanan bermula garang membelas Sri Lanka 3-0 dan bertemu Korea Utara dalam perlawanan kedua.

Malaysia akan bertemu Sri Lanka dalam perlawanan terakhir kumpulan pada 29 September. Dua pasukan terbaik setiap kumpulan akan beraksi dalam kejohanan edisi ke-42 tahun hadapan.



**MOHD KAMRI KAMARUDDIN**  
Bukit Antarabangsa

serah sumbangan insentif haji kepada penerima di pusat khidmat DUN beliau



**MARIAM ABDUL RASHID**  
Meru

memberi baucar kepada warga emas dan mengedarkan kuih bulan di Kapar, Klang



**MICHELLE NG MEI SZE**  
Subang Jaya

bersama penduduk selepas program kelas kek bulan di Petaling Jaya



**DATUK JOHAN AZIZ**  
Dusun Tua

menyampaikan Insentif Haji Muassasah di pusat khidmat DUN beliau



**SYED AHMAD ALHADAD**  
Lembah Jaya

merasmikan kejohanan futsal bersama belia di Taman Ukay Bistari, Ampang Jaya



**LEONG TUCK CHEE**  
Pandamaran

menyerahkan bantal kepada wakil Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang



**PUA PEI LING**  
Bukit Lanjan

bermesra bersama penduduk sempena sambutan Hari Malaysia di Petaling Jaya



**S PREAKAS**  
Kota Kemuning

meraikan murid selepas seminar motivasi di DUN beliau

# Ambulans manfaat 3,000 pengguna

**KUALA LANGAT** - Lebih 3,000 pengguna memanfaat perkhidmatan ambulans percuma yang disediakan Ahli Dewan Negeri Tanjung Sepat sejak 2021.

Datuk Borhan Aman Shah menjelaskan perkhidmatan tersebut memudahkan penduduk kawasannya terutama golongan kurang berkemampuan membayar sewa ambulans swasta untuk ke hospital.



"Biasanya, kita gunakan untuk menghantar atau mengambil pesakit dari hospital untuk pulang ke rumah di Tanjung Sepat atau mereka yang ingin mendapatkan rawatan susulan."

"Hospital terdekat adalah Hospital Banting, kira-kira 30 minit dari sini dan jika menggunakan perkhidmatan ambulans swasta agak mahal," katanya baru-baru ini.

Beliau menjelaskan pihaknya turut

mendapat panggilan daripada penduduk luar Tanjung Sepat yang meminta perkhidmatan tersebut namun terpaksa tolak kerana luar kawasan.

Justeru, Borhan berhasrat untuk menambah sebuah lagi ambulans bagi membolehkan lebih ramai menggunakan khidmat itu.

Penduduk di Dewan Undangan Negeri Tanjung Sepat boleh menghubungi nombor talian 03-3148 1029, 011-2351 3004 atau 018-465 8184 untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

**Taja tuisyen lima sekolah menengah**

# Lebih 24,000 nikmati bantuan tunai

Oleh SHEEDA FATHIL

**SHAH ALAM** - Seramai 24,306 pelajar dan 226 sekolah menerima bantuan tunai Yayasan Bank Rakyat (YBR) setakat bulan ini.

Yayasan itu menerusi kenyataan memaklumkan dana RM2.94 juta diperuntuk untuk institusi pendidikan meliputi 65 lokasi seluruh negara.

"Bantuan ini bertujuan membantu pihak sekolah memantapkan lagi tahap pencapaian pelajar melalui pelaksanaan program pendidikan serta bantuan tunai kepada pelajar dalam kalangan asnaf dan keluarga B40," katanya.

Pada 21 September, YBR dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyerahkan Insentif Pendidikan kepada 500 pelajar sekitar Sungai Buloh dengan peruntukan RM50,000.

Menerusi program itu, 11 sekolah kebangsaan menerima bantuan RM55,000 manakala RM50,000 tajaan tuisyen rakyat untuk lima sekolah menengah kebangsaan.

Serahan disempurnakan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Seri R Ramanan di Dewan Majlis Bandaraya Petaling Jaya Seksyen 7, Kota Damansara.

Turut hadir Ahli Lembaga Pemegang

Amanah YBR Young Syefura Othman, Pengurus Besar Syaiful Rizal Abdul Ghani dan Ketua Bahagian Operasi Mohd Mukhti Abd Rahman.

Sementara itu, R Ramanan berterima kasih kepada YBR dan berharap sumbangan berkenaan membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

"Terima kasih YBR berterusan membantu pelajar dan sekolah di Sungai Buloh, secara tidak langsung meringankan bebanan kewangan keluarga B40," katanya.

Young Shefura berkata usaha ini merupakan inisiatif dan salah satu strategi YBR bagi membantu masyarakat meningkatkan mutu pendidikan.

# RM50,000 belanja kebajikan penduduk

**KUALA LANGAT** - Lebih RM50,000 dibelanjakan wakil rakyat Dewan Undangan Negeri Lembah Jaya bagi memastikan kebajikan penduduk terjamin.

Menurut Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad, dana berkenaan melibatkan sumbangan kerusi roda, katil pe-

sakit selain bantuan kewangan.

"Untuk tahun pertama pentadbiran, program banyak tertumpu kepada

kebajikan penduduk kerana ini yang paling mustahak kerana jika ada banyak program lain, tapi isu kebajikan tidak ditangani tidak boleh juga.

"Ia termasuk sumbangan kerusi roda, katil orang sakit serta bantuan kewangan seperti bayaran bil elektrik walaupun tidak diselesaikan penuh tetapi sekurang-kurangnya bantu mereka merusakan kelangsungan hidup," katanya.

Syed Ahmad yang juga dikenali sebagai Altimet memberitahu setiap bulan pihaknya akan memastikan semua isu kebajikan ditangani segera tanpa membiarkan pemohon menunggu lama.

"Keperluan seperti ini mendesak. Jadi kita tidak boleh buat orang tertunggu-tunggu. Sebab itu saya pastikan bila ada orang mohon dan menepati kriteria kita cuba sedaya upaya bantu," katanya.

# Saringan kesihatan percuma 13 Oktober

**SHAH ALAM** - Orang ramai dipelawa menyertai program saringan kesihatan percuma di Dewan Teratai Batu 17, Rawang pada 13 Oktober, mulai 9 pagi hingga 3 petang.

Wakil rakyat Rawang Chua Wei Kiat berkata inisiatif Selangor Saring menyediakan pemeriksaan jantung, darah tinggi, kencing manis, buah pinggang, barah, mata, telinga dan gigi.

"Jom ramai-ramai berkunjung ke loka-

san Rawang.

"Ambil peluang ini untuk melakukan saringan kesihatan percuma bagi pemeriksaan fizikal, darah, urin, barah, mata, gigi dan lain-lain," katanya di Facebook pada 24 September.

Beliau turut menggalakkan orang ramai mendaftar melalui aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah).



Katanya, saringan ditawarkan mengikut faktor risiko individu dalam borang saringan awal di SELangkah dan hubungi Selcare di talian 1-800-22-6600 jika berdepan masalah pendaftaran.

Belanjawan Selangor 2024 memperuntuk RM3.2 juta bagi merusakan saringan kesihatan percuma di seluruh Dewan Undangan Negeri secara berperingkat.

# RM500 untuk keluarga mangsa banjir

**SHAH ALAM** - Seramai 37 keluarga sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Burong, Tanjung Karang terjejas banjir pada 20 September bakal menerima bantuan ehsan RM500.

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Ahmad Azri Zainal Nor memberitahu setiap keluarga juga diberikan bakul makanan sebagai langkah membantu mangsa menyediakan keperluan dapur.

"Kita sediakan bantuan pascabah. Dimaklumkan ketika berada di pusat pemindahan sementara, bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat mencukupi.

"Jadi kita mahu elakkan pembaziran dan longgokan sumbangan. Selepas mereka pulang ke rumah, kita akan segerakan pemberian bantuan," kata beliau pada 22 September.

# 10,449 terima baucar belanja

**SHAH ALAM** - Permohonan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Skim Mesra Insan Istimewa (SMIS) terbuka sepanjang tahun di pusat khidmat masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) berhampiran.

Ahli Dewan Negeri Kajang berkata individu yang menepati syarat dipelawa memohon segera dan jika layak mereka akan menerima manfaat baucar beli-belah RM150 dan khairat kematian RM500.

David Cheong berkata setakat ini sejumlah 10,449 penerima dari DUN Kajang mendapat manfaat menerusi kedua-dua skim itu.

"Permohonan terbuka sepanjang tahun bagi yang menepati syarat masih boleh memohon dan diharap program ini dapat diteruskan bagi membantu warga emas dan golongan kurang upaya," katanya pada 23 September.

# RM150,000 sumbang 35 komputer riba

**SHAH ALAM** - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memperuntuk RM150,000 untuk sumbangan komputer riba dari Januari hingga September tahun ini.

Ketua Ahmad Azri Zainal Nor berkata peruntukan itu disediakan untuk pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan supaya mereka tidak kecinciran dalam menuntut ilmu.

"Bermula Januari hingga September ini kita agihkan 35 komputer riba dengan peruntukan RM150,000 supaya pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan tidak kecinciran pelajaran," katanya pada 24 September.

Sebelum ini, Ahmad Azri menjelaskan pemberian komputer riba itu akan dilengkapi kad modul pengenalan pelanggan (SIM) internet percuma selama 12 bulan.

# selangorkini

## Pesta makanan warisan November

**SHAH ALAM** - Fiesta Makanan Warisan Selangor dijadualkan berlangsung di Pantai Bagan Lalang, Kuala Langat pada November depan.

EXCO Kebudayaan Datuk Borhan Aman Shah berkata program kali ini memberi peluang orang ramai merasai pelbagai juadah tradisional seperti jawa, bugis, banjar dan minang yang popular di Selangor.

"Kita jangka program diadakan awal November dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan mencemar duli merasmikannya.

"Antara juadah yang kita bawa adalah punten iaitu makanan tradisi jawa yang popular di Selangor. Kita bercadang untuk membawakan punten sebagai makanan tradisi Selangor seperti nasi ambeng dan sate Kajang," katanya pada 24 September.

## Bimbingan percuma usahawan 3 Oktober

**SHAH ALAM** - Usahawan tempatan dipelawa menyertai program keusahawanan digital percuma anjuran Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) pada 3 Oktober.

Ketua Jabatan Digitalisasinya Salman Fua'd berkata program Selangor 1000 Digital siri kelima yang menjelajah ke daerah Gombak berlangsung di Hotel Mercure, Selayang mulai 9 pagi hingga 5 petang.

"Pendigitalan (dalam perniagaan) ini penting, kalau tidak mula sekarang, kita akan ketinggalan sedangkan orang lain sudah mula fikir kedepan. Untuk asas buat usahawan, kena ambil ilmu-ilmu ini supaya boleh faham.

"Usahawan yang ada potensi besar, kami akan bantu mereka kembangkan lagi perniagaan. Itu cara kita pilih usahawan-usahawan ini," katanya ketika program Hai Selangor pada 23 September.

## pancawarna

### Pewaris ilmu perawatan Alam Melayu



Bomoh sebenar menguasai sains perubatan daripada pokok herba, akar kayu



Suruhanjaya air negeri bakal dibentuk

Semua agensi air berada di bawah satu badan untuk kawal selia, atasi banjir

Cerpen, puisi & esei  
**HADIAH SASTERA SELANGOR 2024**

terbit setiap Sabtu dan Ahad di portal [selangorkini.my](http://selangorkini.my)



**SEMANGAT...** Aksi pelari Selangor Ikmal Fathillah Abu Arqam ketika memenangi emas acara olahraga 100 meter (m) lelaki T13 dalam temasya Para Sukan Malaysia di Stadium Sarawak, Kuching pada 23 September. Beliau mencatat 11.51 saat selain menjuarai acara 200m dan 400m. Foto Facebook Majlis Sukan Negara Malaysia

► BERITA MUKA 21

## Tampil tokoh ulama Pattani

# Mengaji kitab turath 1 hingga 3 Oktober

Oleh NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Program Talaqqi Kitab Turath Islami bagi mengupas karya agung Imam Al-Ghazali diteruskan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 1, 2 dan 3 Oktober.

Menampilkan tokoh ulama Pattani Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni, program kesinambungan Festival Turath Islami Selangor pada Mei dan Jun lalu akan mengupas kitab Ihya Ulumuddin dan Mawaqif al-Marjan.

Selain Inisiatif Buku Darul Ehsan

(IBDE), siri tersebut turut dianjurkan bersama Media Selangor Sdn Bhd, Akademi Pemikiran Turath, pejabat Dato' Menteri Besar dan masjid negeri.

Program pada 1 Oktober meliputi dua sesi iaitu kuliah Dhuha (9 hingga 11 pagi) dan kuliah isyak (9 hingga 11 malam) manakala pada 2 dan 3 Oktober sesi kuliah Dhuha diadakan mulai 9 hingga 11 pagi.

Jemputan majlis ilmu itu terbuka untuk semua selain kitab-kitab juga akan dijual di reruai IBDE di sana.

Sebelum ini, Festival Turath Islami Selangor membuka tirai pada 26 Mei

hingga 2 Jun yang kemudian di-teruskan pada 24, 25 dan 27 Jun lalu.

Bagi memartabat syiar Islam menerusi penganjuran majlis ilmu mendalam festival ketika itu menampilkan syarah tokoh ulama antarabangsa antaranya bekas Mufti Besar Mesir Syeikh Professor Dr Ali Jum'ah yang mengupas Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

Berlangsung di masjid negeri festival itu turut menyediakan Pameran Al-Wahyu yang memperkenalkan kitab dari Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dan koleksi individu.

## Didik bakat muda jadi pelumba

Litar Beranang jadi medan asah bakat generasi baharu sukan permotoran

